



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Perak

TICKET TO VICTORY

SEJARAH

KERTAS 2

“
**INISIATIF
GURU SEJARAH
NEG. PERAK**
”

“
**MENEPATI DSKP
DAN FORMAT
KSSM SPM 2021**
”

“
**ITEM
STRUKTUR,
ESEI + KBAT**
”

Modul CEMERLANG



Bahan Sejarah SPM



<https://www.facebook.com/anjungilmugurperak>

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

We Deliver



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Perak

PENDAHULUAN

Jabatan Pendidikan Negeri Perak dengan kerjasama guru-guru cemerlang telah menghasilkan *Ticket to Victory* yang disediakan berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Tingkatan 4 dan 5. Penghasilan modul ini hasil sumbangan tenaga guru - guru Sejarah negeri Perak mengandungi contoh soalan mengikut topik dan skema jawapan bagi mata pelajaran Sejarah, dan Pendidikan Moral berdasarkan format baharu peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia mulai tahun 2021. *Ticket to Victory* disediakan dalam format dokumen mudah alih (*pdf*) dan boleh digunakan semasa pengajaran dan pembelajaran (PdP) atau digunakan sebagai bahan latihan pengukuhan, pengayaan dan kerja rumah. Bahan ini juga boleh dijadikan panduan kepada guru-guru untuk membina item soalan mengikut format SPM. Justeru itu, di harap penggunaan *Ticket to Victory* dapat dimanfaatkan sebaik mungkin demi kecemerlangan SPM di negeri Perak bertepatan dengan slogan Jabatan Pendidikan Negeri Perak iaitu “*We Deliver*”.

Sektor Pembelajaran,
Jabatan Pendidikan Negeri Perak
Jalan Tawas Baru Utara,
Tasek Damai,
30010, Ipoh,

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK
We Deliver



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Perak

BICARA PENGARAH JPN PERAK



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam sejahtera. Setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Modul *Ticket to Victory* ini berjaya dihasilkan. Modul ini dihasilkan oleh Bidang Sains Sosial, Sektor Pembelajaran, Jabatan Pendidikan Negeri Perak dengan kolaboratif Pejabat Pendidikan Daerah, Guru Cemerlang dan Jurulatih Utama mata pelajaran yang berpengalaman. Modul ini mengandungi mata pelajaran Sejarah, Pendidikan Moral dan Geografi. Perubahan format peperiksaan SPM tahun 2021 dan pembelajaran secara maya khususnya bagi calon-calon SPM merupakan cabaran yang perlu dilalui dengan strategi yang dirancang dengan teliti oleh JPN, PPD dan sekolah. Pembinaan modul ini diharapkan dapat membantu guru-guru dan calon-calon SPM melaksanakan latihan berfokus agar mereka lebih bersedia untuk menghadapi peperiksaan SPM nanti. Bagi pihak jabatan, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Sektor Pembelajaran JPN dan PPD serta guru-guru yang bergabung tenaga dan idea menghasilkan modul ini. Akhir kata, semoga Allah SWT sentiasa memberkati usaha yang kita lakukan ini dan pendidikan di negeri Perak akan terus cemerlang.

Sekian. Terima kasih.


DR. MOHD SUHAIMI BIN MOHAMED ALI, PCM
Pengarah Pendidikan Negeri Perak



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Perak

BICARA TIMBALAN PENGARAH JPN PERAK



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh kepada semua warga pendidik dan semua calon SPM negeri Perak.

Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT dengan berkat izin dan limpah kurnia-Nya, Modul *Ticket to Victory* ini dapat direalisasikan. Modul ini melibatkan mata pelajaran Sejarah, Pendidikan Moral dan Geografi. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Bidang Sains Sosial, Sektor Pembelajaran, JPN Perak dan semua panel penggubal modul yang terdiri daripada guru cemerlang, jurulatih utama mata pelajaran dan guru berpengalaman yang telah bertungkus lumus mengorbankan masa, tenaga dan buah fikiran sehingga berjaya menghasilkan modul ini mengikut masa yang ditetapkan. Penghasilan Modul *Ticket to Victory* ini adalah salah satu inisiatif Jabatan Pendidikan Perak untuk menyediakan sumber pembelajaran dan latihan kepada calon-calon SPM. Pemilihan item soalan adalah merangkumi pelbagai aras kesukaran bagi setiap mata pelajaran. Soalan - soalan telah disusun berdasarkan format pentaksiran yang telah dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia seiring dengan Kurikulum Standard Sekolah Menengah. Saya amat yakin penggunaan modul ini dan juga komitmen semua yang terlibat akan memberikan impak yang besar kepada kecemerlangan murid di negeri Perak dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia nanti.

Sekian. Terima kasih.

PUAN HAJAH RAHMAH BINTI MOHAMED, AMP
Timbalan Pengarah Pendidikan, Sektor Pembelajaran
Jabatan Pendidikan Negeri Perak



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Perak

PENGHARGAAN



Dr Mohd Suhaimi bin Mohamed Ali, PCM
Pengaruh Pendidikan Negeri Perak



Hajah Rahimah binti Mohamed, AMP
Timbalan Pengarah Pendidikan
Sektor Pembelajaran



Tn. Hj. Ahmad Lutfi Bin Abu Bakar, PPT
Ketua Penolong Pengarah Kanan Sains Sosial



En. Ahmad Tarmizi Bin Zainal Abidin
Penolong Pengarah Sains Sosial



En. Megat Muhammad Azhan Bin Megat Rafie
Penolong Pengarah Sains Sosial



Pn. Kamariah Binti Zain'nul Abidin
Penolong Pengarah Sains Sosial



En. Mohd Dzulkifly Bin Musanif
Penolong Pengarah Sains Sosial

JK Teknikal & Kawalan Mutu



Pn. Juliana Binti Ali
Pegawai SISC+ PPD Kinta Utara
Ketua JK Teknikal & Kawalan Mutu



En. Mohd Azlizan Bin Omar
SMK Yuk Kwan



En. Syaharawi Bin Ishak
SMK Tronoh



En. Muhamad Sallih Bin Asrani
SMK Seri Keledang



En. S. Sivanandam A/L Subramaniam
SMK Methodist (ACS) Ipoh
Ketua Panel Kertas 2

Panel Pembina Soalan



En. Mohd Azrul Bin Mohd Zamal Abidin
SMK Tambun



En. Hasri Bin Sahabudin
SMA Izzudin Shah



En. Padli Bin Abdul Rahman
SMK Dato Sagor



En. Che Sulaiman Bin Yaacob
SMK Raja Chulan



En. Ran Chuan Anak Eh Tik
SMK Seri Keledang



Cik. Nor Azimah Binti Ariffin
SMK Hamid Khan



Pn. Mariam Binti Umar
SMJK San Min



Pn. Surayah Binti Ismail
SMK Seri Kampar



Pn. Hayati Binti Mohamed
SMK Dato' Abdul Rahman Yaakob



Pn. Nor Farida Binti Johari
SMK Kg. Dato' Ahmad Said



En. Mohamad Azhar Bin Radizuan
SMK Lambor Kiri



En. Wan Yunus Bin Wan Isa
SMK Raja Muda Musa



En. Faridzul Helmi Bin Muniran
SMK Ulu Bernam



En. Mohd Syahrel Bin Ismail
SMK St. Anthony



Pn. Ayuniza Furzani Binti Saari
SMK Hutan Melintang



Pn. Norlyzan Binti Ismail
SMK Slim



Pn. Nur Syahirah Binti Mohd Sulehan
SMK Rungkup



Pn. Suriani Binti Mohd Idris
SMK Kampar



Cik. Nor Syarafina Binti Mohd Nor
SMK Raja Chulan



Pn. Mashitah Binti Sulaiman
SABK Maahad Al-Ummah

ISI KANDUNGAN

TINGKATAN 5

MS

BAB 01	KEDAULATAN NEGARA	7-14
BAB 02	PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN	15-25
BAB 03	RAJA BERPERLEMBAGAAN & DEMOKRASI BERPARLIMEN	26-35
BAB 04	SISTEM PERSEKUTUAN	36-45
BAB 05	PEMBENTUKAN MALAYSIA	46-55
BAB 06	CABARAN SELEPAS PEMBENTUKAN MALAYSIA	56-66
BAB 07	MEMBINA KESEJAHTERAAN NEGARA	67-89
BAB 08	MEMBINA KEMAKMURAN NEGARA	81-89
BAB 09	DASAR LUAR MALAYSIA	90-101
BAB 10	KECEMERLANGAN MALAYSIA DI PERSADA DUNIA	101-112

SKEMA
BAB 1: KEDAULATAN NEGARA
BAHAGIAN A (STRUKTUR)

Soalan	Cadangan	Markah
1 (a)	<p>Jelaskan maksud kedaulatan.</p> <p>F1 Kekuasaan tertinggi dan kewibawaan sesebuah negara yang bebas</p> <p>F2 Mempunyai hak untuk melaksanakan pemerintahan dan pentadbiran negara.</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>[2 m]</p>
(b)	<p>Nyatakan 2 bahasa yang memberikan takrif kedaulatan.</p> <p>F1 Bahasa Yunani</p> <p>F2 Bahasa Inggeris</p> <p>F3 Bahasa Arab</p> <p>F4 Bahasa Melayu</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[2 m]</p>
(c)	<p>Senaraikan 3 tokoh yang memberikan tafsiran mereka tentang kedaulatan yang sesuai dengan zamannya.</p> <p>F1 Aristotle</p> <p>F2 Ibnu Khaldun</p> <p>F3 Jean Bodin</p> <p>F4 Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj</p> <p>F5 Tun Dr. Mohamed Salleh Abas</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[2 m]</p>
(d)	<p>Mengapakah kedaulatan negara perlu dipertahankan oleh setiap lapisan masyarakat?</p> <p>F1 Keamanan negara dapat dikekalkan</p> <p>F2 Keselamatan negara terjamin</p> <p>F3 Kebebasan rakyat terpelihara</p> <p>F4 Ekonomi negara terus maju</p> <p>F5 Politik negara stabil</p> <p>F6 Dapat mengelakkan negara dari dikuasai oleh negara asing (mana-mana yang munasabah)</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[4 m]</p>

Soalan	Cadangan	Markah
2 (a)	<p>Jelaskan maksud kedaulatan.</p> <p>F1 Kekuasaan tertinggi dan kewibawaan sesebuah negara yang bebas</p> <p>F2 Mempunyai hak untuk melaksanakan pemerintahan dan pentadbiran negara.</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>[2 m]</p>
(b)	<p>Nyatakan 3 jenis kedaulatan yang berkaitan dengan sesebuah negara.</p> <p>F1 Kedaulatan Tradisional</p> <p>F2 Kedaulatan Moden</p> <p>F3 Kedaulatan Undang-undang</p> <p>F4 Kedaulatan Antarabangsa</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[2 m]</p>
(c)	<p>Bagaimanakah kewujudan kedaulatan negara kita sebagai sebuah negara bangsa?</p> <p>F1 Hasil gabungan negeri yang dikenali sebagai Persekutuan Tanah Melayu 1957 dan</p> <p>F2 Persekutuan Malaysia 1963.</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>[2 m]</p>
(d)	<p>Bezakan sistem pemerintahan beraja pada Zaman Kesultanan Melayu Melaka dengan sistem pemerintahan beraja yang diamalkan di Malaysia pada masa ini.</p> <p>Kesultanan Melayu Melaka</p> <p>F1 Raja berkuasa mutlak / Raja tidak terikat dengan perlembagaan</p> <p>F2 Raja dibantu oleh pembesar</p> <p>F3 Empat Lipatan</p> <p>F4 Raja ketua / ketua hakim / menguasai ekonomi</p> <p>Malaysia</p> <p>F5 Raja Berperlembagaan / Kuasa raja ditentukan perlembagaan</p> <p>F6 Pentadbiran dijalankan oleh Jemaah Menteri ?EXCO</p> <p>F7 Simbol identiti</p> <p>F8 Simbol identiti bangsa / payung negara</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[4 m]</p>

Soalan	Cadangan	Markah
3 (a)	<p>Apakah Kedaulatan Undang-undang?</p> <p>F1 Kerajaan dan rakyat terikat oleh undang-undang yang perlu dipatuhi</p> <p>F2 Menjamin keadilan dalam kehidupan bermasyarakat</p> <p>F3 Menjadikan negara aman, stabil dan makmur.</p> <p>F4 Badan kehakiman yang bebas dan berwibawa diwujudkan</p> <p>F5 Untuk memelihara dan melaksanakan kedaulatan undang-undang.</p> <p>F6 Kedaulatan undang-undang menjadi prinsip keempat dalam Rukun Negara</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[2 m]</p>
(b)	<p>Berikut adalah prinsip Rukun Negara yang keempat. Kedaulatan Undang-undang.</p> <p>Jelaskan maksud prinsip Rukun Negara tersebut.</p> <p>F1 Menuntut setiap rakyat menghormati undang-undang</p> <p>F2 Tidak melakukan kesalahan di sisi undang-undang</p> <p>F3 Berusaha untuk menyokong penguatkuasaannya</p> <p>F4 Rakyat perlu bertanggungjawab mempertahankan dan</p> <p>F5 Memelihara kedaulatan undang-undang</p> <p>F6 Daripada dicabar oleh mana-mana pihak</p> <p>F7 Demi mengekalkan kehidupan yang aman dan harmoni (mana-mana yang munasabah)</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[2 m]</p>
(c)	<p>Sistem mahkamah diwujudkan oleh Perlembagaan Malaysia untuk melaksanakan tugas kehakiman.</p> <p>Jelaskan peranan badan kehakiman.</p> <p>F1 Memelihara undang – undang</p> <p>F2 Melaksanakan kedaulatan undang - undang</p> <p>F3 Mentafsir perlembagaan</p> <p>F4 Mentafsir undang-undang</p> <p>F5 Mengisytiharkan undang-undang bertulis kerajaan Persekutuan / Negeri</p> <p>F6 Tidak boleh meminda undang-undang</p> <p>F7 Membicarakan kes – kes sivil / jenayah</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[2 m]</p>



(d)	Badan kehakiman dan mahkamah berperanan mengekalkan keamanan, kesejahteraan dan keharmonian hidup masyarakat. Bagaimanakah peranan tersebut dapat dilaksanakan?	
F1	Pelantikan hakim oleh Yang di-Pertuan Agong	1
F2	Hakim tidak boleh dipecat sewenang – wengangnya	1
F3	Hakim dilindungi daripada pengaruh politik	1
F4	Hakim tidak boleh mengambil bahagian dalam politik	1
F5	Hakim menjamin tindakan yang adil dan saksama / adil	1
F6	Sistem mahkamah mengikut susunan piramid (Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan, Mahkamah Tinggi Malaya / Mahkamah Tinggi Sabah Sarawak, Mahkamah Seksyen, Mahkamah Majistret) Ketidakpuasan hati terhadap keputusan rayuan di mahkamah yang lebih tinggi	1
		[4 m]

SKEMA
BAB 1 : KEDAULATAN NEGARA
BAHAGIAN B (ESEI)

Soalan	Jawapan	Markah
1 (a)	<p>Berikan takrifan bagi kedaulatan tradisional</p> <p>F1 Sistem pemerintahan berkuasa mutlak</p> <p>F2 Menguasai sepenuhnya segala urusan Negara</p> <p>F3 Wujud sejak tamadun awal manusia</p> <p>F4 Kedaulatan Negara kita berpaksi pada kedaulatan Raja-raja Melayu</p> <p>F5 Terletak pada kekuasaan</p> <p>F6 Kewibawaan raja</p> <p>F7 Raja merupakan pemerintah yang mempunyai kuasa tertinggi</p> <p>F8 Diperkukuh oleh taat setia rakyat</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[4 m]</p>
1 (b)	<p>Bagaimanakah kedaulatan undang-undang boleh menjamin keamanan negara kita?</p> <p>F1 Rakyat dan kerajaan terikat dengan undang-undang</p> <p>H1 Rakyat dan kerajaan perlu akur dengan undang-undang</p> <p>H1a Keakuran kepada undang- undang menjamin keamanan</p> <p>F2 Kerajaan perlu adil dan memerintah mengikut perlembagaan</p> <p>H2 Kerajaan yang adil akan mendapat sokongan rakyat</p> <p>F3 Badan kehakiman yang berwibawa menjamin keamanan</p> <p>H3 Badan kehakiman tidak sewajarnya dipengaruhi oleh politik</p> <p>H3a Badan kehakiman perlu menjadi sebuah badan yang bebas dari campurtangan politik</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[8m]</p>
1 (c)	<p>Generasi muda pada hari ini berperanan penting dalam mempertahankan kedaulatan negara kita. Bincangkan.</p> <p>F1 berperanan penting mempertahankan kedaulatan negara kita dengan memelihara keharmonian negara.</p> <p>H1 generasi muda adalah bakal pemimpin negara.</p>	<p>1</p> <p>1</p>

H1a	mereka mempertahankan kedaulatan negara.	1
F2	Memberi kesetiaan kepada raja dan negara.	1
H2	Menyokong semua usaha dan dasar kerajaan yang akan dilaksanakan.	1
H2a	kesetiaan kepada raja dan negara dapat menjamin keamanan negara dan sekaligus dapat mempertahankan kedaulatan negara kita daripada ancaman luar.	1
F3	Mematuhi undang-undang negara.	1
H3	memastikan masyarakat dapat hidup dalam suasana yang aman dan damai.	1
H3a	kedaulatan negara dapat dipertahankan dengan lahirnya generasi muda yang mematuhi undang-undang negara	1
		[8m]

Soalan	Jawapan	Markah
2 (a)	Jelaskan kepentingan mewujudkan negara yang berdaulat.	
F1	Mewujudkan keberkesanan pentadbiran	1
F2	negara bebas melaksanakan pentadbiran tanpa campur tangan asing	1
F3	dilaksanakan melalui Jemaah Menteri dan Kementerian	1
F4	kerjasama antara Kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan melalui pengagihan kuasa	1
F5	diperkukuh dengan peruntukan undang-undang	1
F6	menjamin kemakmuran ekonomi	1
F7	membolehkan kerajaan melaksanakan pelbagai dasar ekonomi	1
F8	untuk memajukan negara dan meningkatkan taraf hidup rakyat	1
F9	meliputi bidang pertanian ,perindustrian dan perdagangan	1
F10	menjamin kesejahteraan sosial	1
F11	melahirkan generasi berilmu melalui pendidikan dapat menyumbang kepada pembangunan negara	1
F12	memperkenalkan pelbagai dasar sosial untuk memupuk perpaduan/perasaan muhibah	1
F13	mewujudkan kecemerlangan hubungan luar negara	1

	F14	dibentuk melalui penggubalan dasar luar negara	1
	F15	menjalin hubungan diplomatik dan kerjasama pelbagai bidang	1
	F16	pelbagai manfaat diperoleh demi kebaikan semua pihak	1
	F17	negara kita diiktiraf oleh negara lain	1
			[6 m]
(b)		Rasionalkan kepentingan kedaulatan dalam menentukan bentuk sistem pentadbiran pada masa kini	
	F1	kedaulatan menjadikan negara kita merdeka daripada cengkaman pengaruh asing	1
	F2	negara bebas menentukan corak pentadbiran mengikut acuan sendiri.	1
	F3	mengamalkan sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi	1
	F4	Berparlimen.	1
	F5	YDPA sebagai ketua negara	1
	F6	Perdana Menteri sebagai ketua kerajaan dibantu oleh Jemaah Menteri	1
	F7	negara juga mengamalkan sistem pengasingan kuasa dalam pemerintahan bagi menjamin keadilan dan kesejahteraan rakyat	1
			[6m]
(c)		Pelbagai iktibar boleh diperoleh daripada kedaulatan negara yang telah kita kecapai pada masa kini. Jelaskan.	
	F1	menghargai nikmat keamanan yang dikecapi kini	1
	F2	mempertahankan kedaulatan demi kemajuan negara	1
	F3	meningkatkan semangat nasionalisme	1
	F4	mengukuhkan semangat perpaduan antara pelbagai kaum	1
	F5	mengamalkan sikap toleransi	1
	F6	mencontohi sikap tidak putus asa pemimpin tempatan terdahulu berjuang mempertahankan kedaulatan negara	1
	F7	tidak menyentuh sensitiviti yang boleh mempengaruhi kedaulatan negara mana-mana munasabah	1
			[8m]

Soalan	Jawapan	Markah
3 (a)	<p>Jelaskan peranan pemerintah dan rakyat dalam mewujudkan kestabilan politik dan kemakmuran negara</p> <p>PEMERINTAH</p> <p>F1 mewujudkan pentadbiran yang cekap</p> <p>F2 mengelakkan amalan rasuah</p> <p>F3 memastikan agihan sumber kekayaan secara adil.</p> <p>F4 melaksanakan undang-undang mengikut perlembagaan</p> <p>RAKYAT</p> <p>F1 memberikan kesetiaan kepada raja dan negara</p> <p>F2 menyokong usaha dan dasar kerajaan</p> <p>F3 memupuk kerjasama antara kaum</p> <p>F4 mematuhi undang-undang negara</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[8 m]</p>
1 (b)	<p>Sebagai rakyat yang mempunyai perasaan cinta yang mendalam terhadap negara, apakah peranan anda untuk mengekalkan perpaduan antara kaum?</p> <p>F1 menggunakan Bahasa kebangsaan dengan betul</p> <p>F2 menghayati prinsip-prinsip Rukun Negara</p> <p>F3 memahami dan menghormati budaya dan agama lain</p> <p>F4 mengamalkan semangat perkongsian dan toleransi</p> <p>F5 melibatkan diri dalam program kemasyarakatan</p> <p>F6 mengelakkan daripada menyentuh sensitiviti kaum</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[6m]</p>
1 (c)	<p>Kedaulatan negara bergantung pada rakyatnya yang bersatu padu.</p> <p>F1 perpaduan dapat menjamin keamanan negara</p> <p>F2 pelbagai kaum perlu bertoleransi dalam pelbagai aspek</p> <p>F3 konflik perkauman dapat dielakkan</p> <p>F4 kemakmuran negara menjamin kestabilan politik</p> <p>F5 memberi keyakinan kepada pelabur asing untuk melabur di negara kita</p> <p>C dalam sektor pertanian,perkilangan dan perindustrian</p> <p>H memberi peluang pekerjaan</p> <p>mana-mana munasabah</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[6m]</p>

SKEMA
BAB 2: PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN
BAHAGIAN A (STRUKTUR)

Soalan	Cadangan	Markah
1 (a)	<p>Terangkan latar belakang sejarah Perlembagaan Persekutuan.</p> <p>F1 Perlembagaan Persekutuan merupakan undang-undang tertinggi sebagai teras pemerintahan negara.</p> <p>F2 Sebelum kedatangan British, negara diperintah berdasarkan pemerintahan beraja.</p> <p>F3 Raja memerintah berdasarkan undang-undang dan peraturan yang digubal.</p> <p>F4 Pada zaman British, raja diterima sebagai pemerintah berdaulat.</p> <p>F5 Setelah merdeka, kita mempunyai perlembagaan yang menjadi unsur penting dalam sesebuah negara.</p> <p>F6 Perlembagaan Persekutuan juga berasaskan nilai tradisi Kesultanan Melayu dan kemudiannya</p> <p>F7 Beberapa prinsip undang-undang Inggeris disesuaikan dengan nilai tempatan.</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[3 m]</p>
(b)	<p>Jelaskan tentang undang-undang Negeri Melayu.</p> <p>F1 Raja sebagai pemerintah dan rakyat memberikan taat setia.</p> <p>F2 Undang-undang dan sistem pemerintahan ditentukan oleh raja.</p> <p>F3 Undang-undang pada zaman Kesultanan Melayu Melaka seperti Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka mempengaruhi kandungan undang-undang bertulis di negeri-negeri Melayu yang lain.</p> <p>F4 Contohnya, Undang-undang Pahang dan Undang-undang Kedah serta Undang-undang Johor dan yang terakhir Undang-undang 99 Perak.</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[3 m]</p>
(c)	<p>Pada pendapat anda, apakah kesan jika sesebuah negara tidak mempunyai perlembagaan yang sistematik?</p> <p>F1 Pada pendapat saya, kesannya ialah pentadbiran kerajaan akan menjadi kucar-kacir.</p>	<p>1</p>

F2	Selain itu, perkara ini akan menjejaskan kestabilan politik negara.	1
F3	Suasana dalam negara juga akan menjadi huru-hara.	1
F4	Hal ini mengakibatkan dasar-dasar kerajaan tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan.	1
F5	Akhirnya, ekonomi negara akan terjejas kerana kekurangan pelabur. Bahkan, kedaulatan negara turut terancam sekaligus menyebabkan negara mudah dicerobohi pihak luar	1
M	Mana-mana munasabah	1
		[4 m]

Soalan	Cadangan	Markah
2 (a)	Nyatakan peranan yang dimainkan oleh Parlimen	
F1	Sebagai badan perundangan yang berkuasa penuh	1
F2	Membentuk undang-undang negara	1
F3	Selepas kemerdekaan, ahli Parlimen berperanan meminda undang-undang negara	1
F4	Menegakkan kedaulatan negara	1
		[2 m]
(b)	Terangkan perkara yang menjadi terma rujukan utama dalam Perjanjian Persekutuan 1957.	
F1	Kerajaan Persekutuan yang kukuh	1
F2	Menjamin kedudukan Raja-raja Melayu	1
F3	Menjamin kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain	1
F4	Parlimen hendaklah mengandungi dua Dewan, iaitu Dewan Rakyat dan Dewan Negara	1
F5	Kewarganegaraan yang sama	1
		[4 m]
(c)	Perlembagaan merupakan elemen penting dalam sesebuah negara yang perlu dipertahankan. Berikan alasan anda.	
F1	Undang-undang tertinggi sesebuah negara	1
H1a	Merupakan asas pembentukan sebuah kerajaan	1

	F2	Melambangkan kedaulatan negara	1
	H2a	Tidak mudah diganggu gugat oleh kuasa asing	1
	F3	Melahirkan rakyat yang bersatu padu	1
	H3a	Berusaha untuk membangunkan negara	1
	F4	Mewujudkan negara yang aman dan harmoni	1
	H4a	Mematuhi peraturan/ undang-undang negara	1
	F5	Melahirkan warganegara yang setia kepada raja dan negara	1
	H5a	Tidak bersubahat dengan musuh atau mengkhianati negara	1
	I	Perlembagaan berperanan penting dalam menjamin pembentukan sebuah kerajaan yang kukuh serta berdaulat	1
	M	Mana-mana munasabah	1
			[4 m]

Soalan		Cadangan	Markah
3 (a)		Nyatakan ciri moden dalam Perlembagaan Persekutuan.	
	F1	Kewarganegaraan	1
	F2	Kerajaan Persekutuan	1
	F3	Sistem Demokrasi Berparlimen	1
			[3 m]
(b)		Jelaskan kedudukan orang Melayu dan bumiputera dalam Perlembagaan Persekutuan.	
	F1	Sebelum merdeka, kedudukan orang Melayu dan bumiputera di bawah kuasa raja dan ketua peribumi.	1
	F2	Apabila negara mencapai kemerdekaan, Yang di-Pertuan Agong diberikan tanggungjawab memelihara	1
	F3	Kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera Sarawak dan Sabah serta kepentingan sah kaum- kaum lain	1
			[2 m]

<p>(c)</p>		<p>Peruntukan perlembagaan berkaitan dengan agama Islam merupakan salah satu ciri tradisional. Berikan ulasan anda.</p> <p>F1 Pada zaman penjajahan British, raja di negeri Melayu tidak perlu menerima nasihat daripada Penasihat</p> <p>F2 British berkaitan hak dan kedaulatan raja, adat istiadat orang Melayu dan agama Islam.</p> <p>F3 Selepas merdeka, agama Islam bagi negeri Melayu terletak di bawah kuasa raja di negeri masing- masing.</p> <p>F4 Bagi Wilayah Persekutuan dan negeri tidak beraja, agama Islam diletak di bawah bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong.</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[2 m]</p>
<p>(d)</p>		<p>Sebagai pelajar, bagaimanakah anda mengamalkan slogan “Cintailah Bahasa Kebangsaan Kita”?</p> <p>F1 Sebagai pelajar, seharusnya menjadikan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pertuturan harian.</p> <p>F2 Selain itu, kita perlu mempelajari bahasa kebangsaan dengan bersungguh-sungguh.</p> <p>F3 Hal ini supaya bahasa kebangsaan dapat digunakan dengan betul dan menolak penggunaan bahasa pasar yang keterlaluan.</p> <p>F4 Sebagai seorang pelajar juga, tidak seharusnya kita mengagung-agungkan bahasa asing sehingga melupakan bahasa kebangsaan sendiri.</p> <p>F5 Akhir sekali, kita juga perlu membaca banyak buku dalam bahasa kebangsaan sebagai tanda menyokong kempen “Cintailah Bahasa Kebangsaan Kita.”</p> <p>M Mana-mana munasabah</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[3 m]</p>

SKEMA
BAB 2: PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN
BAHAGIAN A (ESEI)

Soalan	Cadangan	Markah
1 (a)	<p>Berdasarkan jadual di atas, jelaskan undang-undang tersebut.</p> <p>F1 British memperkenalkan undang-undang di Negeri-negeri Selat (NNS) yang dikenali sebagai <i>Charter of Justice</i>.</p> <p>H1a Diambil daripada undang-undang yang digubal di England.</p> <p>H1b Piagam terpilih bersesuaian dengan kegunaan Negeri-negeri Selat.</p> <p>H1c Matlamat undang-undang untuk melindungi penduduk asal daripada penindasan dan ketidakadilan.</p> <p>F2 Di Sarawak, terdapat <i>The Sarawak Application of Laws Ordinance 1949</i>.</p> <p>H2a Menggunakan <i>The Common Law of England</i>.</p> <p>F3 Di Sabah, undang-undang diperkenalkan ialah <i>Sabah Application of Laws Ordinance 1951</i>.</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[6 m]</p>
(b)	<p>Sejarah penggubalan Perlembagaan Persekutuan bermula pada tahun 1877 hingga tahun 1957. Berikan penjelasan anda.</p> <p>Tahun 1877</p> <p>F1 Mesyuarat pertama Majlis Negeri Perak.</p> <p>H1a Menjadi titik tolak kepada pembentukan undang-undang negara.</p> <p>H1b Berperanan menggubal undang-undang bagi negeri Perak.</p> <p>H1c Peranan yang sama dimainkan oleh Majlis Negeri di negeri Melayu lain 1946.</p> <p>F2 Undang-undang di NNS digubal oleh Majlis Undangan Negeri.</p> <p>H2a Undang-undang di NNMB digubal oleh Majlis Persekutuan.</p> <p>H2b Undang-undang di NNMTB digubal oleh Majlis Negeri 1948.</p> <p>F3 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 melahirkan perlembagaan baharu bagi pembentukan sebuah Persekutuan.</p> <p>H3a Terdiri daripada negeri-negeri Melayu, Melaka dan Pulau Pinang.</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>

	H3b	Kandungannya termasuklah pentadbiran, kuasa raja Melayu, perundangan dan kewarganegaraan.	1
		Tahun 1957	
	F4	Penubuhan suruhanjaya perlembagaan	1
	H1a	Dikenali sebagai Suruhanjaya Reid.	1
	H4b	Berasaskan model Westminster.	1
	H4c	Berkuatkuasa selepas kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.	1
	H4d	Menjadi asas kepada perlembagaan negara hari ini.	1
			[8 m]
(c)		Perlembagaan Persekutuan menjadi kunci utama kejayaan negara mengekalkan kestabilan politik dan kemakmuran ekonomi. Buktikan pernyataan tersebut.	
	F1	Perlembagaan Persekutuan menjadi kunci utama kejayaan kerana ianya dapat menjadikan pentadbiran negara berjalan lancar.	1
	F2	Selain itu dapat menjamin kerajaan menunaikan tanggungjawab kepada rakyat.	1
	H2a	Misalnya menyediakan segala keperluan dan kemudahan kepada rakyat	1
	C2a	seperti kemudahan pengangkutan awam dan kebajikan kesihatan untuk rakyat.	1
	F3	Seterusnya dapat mengukuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat yang berbilang kaum.	1
	H3a	Hal ini bagi menjamin keselamatan dan keamanan negara agar peristiwa perpecahan kaum tidak berulang.	1
	F4	Selanjutnya, perlembagaan juga dapat menjamin hak asasi setiap rakyat.	1
	H4a	Rakyat diberikan hak untuk bersuara atau menyatakan pendapat di saluran yang betul.	1
	F5	Malahan, melalui perlembagaan juga akan dapat melahirkan keadilan sosial.	1
	F6	Selain itu, perkara ini juga akan menjamin sistem perundangan yang adil.	1
	F7	Sekaligus dapat menarik kedatangan pelabur luar dan merangsang pembangunan ekonomi negara.	1

I	Tegaslah bahawa, perlembagaan yang merupakan undang-undang negara dapat menjamin kestabilan dan kemakmuran negara dari pelbagai aspek seperti sosial, ekonomi dan juga politik	1
M	Mana-mana munasabah	1 [6 m]

Soalan		Cadangan	Markah
2		Terangkan ciri tradisional Perlembagaan Persekutuan Malaysia.	
(a)	F1	Kesultanan / pemerintahan beraja Negeri Melayu diperintah berdasarkan pemerintahan beraja	1
	H1a	Sultan merupakan pemerintah berdaulat memiliki kuasa penuh di negeri masing-masing	1
	H1b	Selepas merdeka pemerintahan beraja diteruskan disesuaikan dengan konsep Demokrasi Berparlimen	1
	H1c	Yang di-Pertuan Agong sebagai pemerintah tertinggi negara kuasa mengampun dan menangguhkan hukuman orang disabitkan kesalahan	1
	H1d	membuat pelantikan bagi jawatan utama negara	1
	H1e	Pada peringkat negeri raja menjadi ketua negeri memberi pengampunan dan menangguhkan hukuman kepada mereka yang disabitkan kesalahan oleh mahkamah	1
	H1f	pelantikan jawatan utama negeri	1
	H1g	berkuasa mengurniakan anugerah, penghormatan dan bintang kehormat kepada individu yang terpilih	1
	H1h	Kuasa eksekutif raja dilaksanakan melalui nasihat Majlis Mesyuarat Negeri	1
	F2	Agama Islam	1
	H2a	pada zaman British, raja di negeri Melayu tidak perlu menerima nasihat daripada penasihat British	1

	H2b	berkaitan dengan hak dan kedaulatan raja, adat istiadat orang Melayu dan agama Islam	1
	H2c	selepas merdeka, agama Islam bagi negeri Melayu terletak di bawah kuasa raja di negeri masing-masing	1
	H2d	Wilayah Persekutuan dan negeri tidak beraja, perkara ini terletak di bawah kuasa Yang di-Pertuan Agong	1
	F3	Bahasa Melayu	1
	H3a	sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka, bahasa Melayu digunakan dalam pemerintahan	1
	H3b	menjadi lingua franca	1
	H3c	sebagai bahasa ilmu	1
	H3d	kini menjadi bahasa kebangsaan	1
	F4	Kedudukan orang Melayu dan bumiputera	1
	H4a	sebelum merdeka, kedudukan orang Melayu dan bumiputera adalah di bawah kuasa raja dan ketua peribumi	1
	H4b	selepas merdeka, Yang di-Pertuan Agong diberi tanggungjawab	1
	H4c	memelihara kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera Sarawak dan Sabah serta kepentingan sah kaum lain	1
			[6 m]
(b)		Kewarganegaraan Persekutuan mula diperkenalkan pada tahun 1948 dan pilihan raya umum telah diadakan pada tahun 1955. Jelaskan ciri-ciri moden yang terdapat dalam pernyataan tersebut.	
	F1	Sistem demokrasi berparlimen	1
	H1a	Pilihan raya umum yang pertama diadakan pada tahun 1955	1
	H1b	Tujuan pilihan raya untuk memberi Kebebasan kepada rakyat memilih wakil pemimpin	1
	H1c	Menubuhkan kerajaan	1
	H1d	Pilihan raya adil dilaksanakan	1
	H1e	Ditubuhkan Suruhanjaya Pilihan Raya	1
	H1f	Badan ini bertanggungjawab menjalankan pilihan raya	1

	H1g	Pilihan raya persekutuan memilih wakil untuk membentuk Kerajaan Persekutuan	1
	H1h	Pilihan raya negeri memilih wakil membentuk Kerajaan Negeri	1
	F2	Kewarganegaraan	1
	H2a	Diperkenalkan tahun 1948 melalui PTM 1948	1
	H2b	Tidak terdapat satu kewarganegaraan yang sama pada sebelumnya	1
	H2c	Rakyat dikategorikan rakyat raja	1
	H2d	Mendapat kerakyatan British jika dilahirkan di Melaka dan Pulau Pinang	1
	H2e	Kemerdekaan negara dan pembentukan Malaysia melahirkan taraf kewarganegaraan yang sama	1
			[8 m]
(c)		Penerapan ciri tradisional dan moden dalam Perlembagaan Persekutuan menjadikan perlembagaan negara kita unik dan mantap. Buktikan pernyataan tersebut.	
	F1	Sistem pemerintahan beraja/sultan negeri sebagai lambang keagungan kerajaan Melayu	1
	F2	lambang penyatuan rakyat pelbagai kaum	1
	F3	YDP Agong/ Raja ketua agama	1
	F4	Islam/ agama lain bebas diamalkan	1
	F5	Pembentukan Kerajaan	1
	F6	Persekutuan/ autonomi tertentu untuk Sarawak dan Sabah	1
	F7	Sistem Demokrasi Berparlimen/ kebebasan kepada rakyat memilih pemimpin/ menubuhkan kerajaan/	1
	F8	pilihan raya dikendalikan SPR	1
	F9	Diperkenalkan Kewarganegaraan Persekutuan/ taraf kewarganegaraan yang sama	1
	I	Kesimpulannya, gabungan ciri tradisional dan moden dalam Perlembagaan Persekutuan dapat memperkukuhkan pembentukan sebuah negara yang mantap serta menjamin keamanan dan kesejahteraan hidup	1
	M	Mana-mana yang munasabah	1
			[8 m]

Soalan	Cadangan	Markah
3 (a)	<p>Jelaskan perkara yang menjadi terma rujukan dalam pengubalan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957.</p> <p>F1 Perkara yang menjadi terma rujukan dalam pengubalan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 ialah mempunyai kerajaan Persekutuan yang kukuh.</p> <p>F2 Selain itu hendaklah dapat memberi jaminan kepada kedudukan Raja-raja Melayu.</p> <p>F3 Seterusnya, hak istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain juga perlu diberi keutamaan dan jaminan.</p> <p>F4 Selanjutnya, Parlimen hendaklah mengandungi Dewan Rakyat dan Dewan Negara.</p> <p>F5 Akhir sekali, memberikan hak kewarganegaraan yang sama</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[4 m]</p>
(b)	<p>Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 dipinda apabila Malaysia dibentuk pada tahun 1963. Huraikan perkara utama dalam pindaan Perlembagaan Persekutuan 1963</p> <p>F1 Perkara utama yang terdapat dalam pindaan tersebut ialah mewujudkan struktur Mahkamah Atasan.</p> <p>H1a Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 menetapkan struktur Mahkamah Tertinggi mengikut model Mahkamah Tertinggi di England iaitu dengan membahagikannya kepada Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan.</p> <p>H1b Apabila Malaysia dibentuk, Mahkamah Atasan diwujudkan, iaitu Mahkamah Persekutuan.</p> <p>H1c Tiga buah Mahkamah Persekutuan di Tanah Melayu, Singapura, Sarawak dan Sabah.</p> <p>H1d Mahkamah Persekutuan boleh mendengar isu perlembagaan dan pertikaian antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.</p> <p>F2 Seterusnya Mahkamah Tinggi Borneo dibentuk.</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>

	H2a	Mahkamah ini menguruskan soal kehakiman di Sarawak dan Sabah.	1
	H2b	Jawatan Ketua Hakim Borneo (1963) diwujudkan di Kuching, Sarawak.	1
	H2c	Pada 1994, nama jawatan diubah kepada Ketua Hakim Sarawak dan Sabah.	1
	F3	Selain itu, jawatan Yang di-Pertua Negeri telah diwujudkan.	
	H3a	Sarawak dan Sabah diketuai oleh Yang di-Pertua Negeri	1
	H3b	Yang di-Pertua Negeri dilantik mengikut nasihat Majlis Tertinggi bagi Sarawak dan kabinet Negeri bagi Sabah.	1
			[8 m]
(c)		Pada pendapat anda, apakah tujuan pindaan di buat pada Perlembagaan Persekutuan? Jelaskan kesan sekiranya pindaan tersebut tidak dilaksanakan.	
	F1	Pada pendapat saya, tujuan pindaan di buat adalah untuk melindungi kepentingan rakyat.	1
	F2	Selain itu, pindaan di buat bagi menjamin keselamatan negara.	1
	F3	Selanjutnya, perkara ini turut membantu melicinkan urusan pentadbiran negara.	1
	F4	Malahan, pindaan yang di buat akan sentiasa relevan dan sesuai mengikut keperluan semasa.	1
	F5	Hal ini dapat menjadikan perlembagaan sebagai sebuah undang-undang yang relevan.	1
	F6	Seandainya pindaan tidak dilaksanakan, ia akan memberi kesan dan menjejaskan pentadbiran negara.	1
	F7	Perkara ini akan menimbulkan ketidakpuasan hati rakyat.	1
	F8	Bahkan kandungan perlembagaan dianggap ketinggalan dan tidak relevan dengan perkembangan semasa sekiranya tiada pindaan di buat.	1
	I	INF Jelaslah bahawa, pindaan terhadap sesuatu undang-undang atau perlembagaan perlu dilakukan bagi memastikan peraturan sentiasa relevan dan rasional untuk dipraktikkan.	1
	M	<i>Mana-mana munasabah</i>	[8 m]

SKEMA

BAB 3 RAJA BERPERLEMBAGAAN DAN DEMOKRASI BERPARLIMEN

BAHAGIAN A (STRUKTUR)

Soalan	Jawapan	Markah
1 (a)	<p>Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen</p> <p>Namakan badan berikut</p> <p>F1 X: Badan Perundangan.</p> <p>F2 Y: Badan Eksekutif</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>[2 m]</p>
1 (b)	<p>Jelaskan fungsi Parlimen sebagai sebahagian daripada badan perundangan di peringkat Persekutuan</p> <p>F1 Parlimen ialah badan perundangan tertinggi di Malaysia</p> <p>F2 Parlimen terdiri daripada tiga komponen</p> <p>H2a Yang di-Dipertuan Agong</p> <p>H2b Dewan Rakyat</p> <p>H2c Dewan Negara</p> <p>F3 Parlimen merupakan lambang demokrasi mencerminkan aspirasi rakyat</p> <p>H3 melalui perwakilan yang dipilih oleh rakyat</p> <p>F4 Parlimen berkuasa menggubal undang-undang</p> <p>F5 Parlimen juga boleh membuat pindaan undang-undang Persekutuan sedia ada</p> <p>H5a menyemak dasar kerajaan</p> <p>H5b meluluskan perbelanjaan kerajaan</p> <p>H5c sistem cukai yang baharu</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[4 m]</p>
1 (c)	<p>Sejauhmanakah konsep pengasingan kuasa dapat mengukuhkan sistem pentadbiran di negara kita?</p> <p>F1 Memantapkan pemerintahan melalui konsep semak dan imbang</p> <p>F2 Badan perundangan berperanan menggubal undang-undang</p> <p>H2a dilaksanakan oleh Badan Eksekutif</p> <p>F3 Sekiranya timbul kekeliruan</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>

	H3	penyelesaian akan di buat oleh Badan Kehakiman	1
	F4	Melicinkan proses pentadbiran	1
	F5	Tiada pertindihan kuasa	1
	H5	mewujudkan sistem pemerintahan yang adil dan saksama	1
	M	mana-mana yang munasabah	1
			[4 m]

Soalan		Cadangan	Markah
2 (a)		Nyatakan komponen yang membentuk Parlimen.	
	F1	Yang di-Pertuan Agong	1
	F2	Dewan Rakyat	1
	F3	Dewan Negara	1
			[2 m]
2 (b)		Bagaimanakah Ahli-Ahli Yang Berhormat memainkan peranan dalam sistem pemerintahan di negara kita?	
	F1	Melalui Badan Perundangan dan Badan Eksekutif sebagai ahli Dewan Negara dan Dewan Negara	1
	H1	berperanan menggubal undang-undang untuk kesejahteraan rakyat	1
	F2	Melalui badan Eksekutif, sebahagian Ahli Dewan Rakyat	1
	H2a	ada yang dilantik sebagai anggota Jemaah Menteri yang berperanan	1
	H2b	menentukan dasar-dasar kerajaan	1
	H2c	melaksanakan agenda pembangunan negara.	1
			[4 m]
2 (c)		Mengapakah sistem Demokrasi Berparlimen di negara kita perlu dipertahankan?	
	F1	Keamanan negara dapat dikekalkan	1
	H1a	gabungan sistem tradisi dan moden iaitu pemerintahan beraja dan unsur demokrasi	1
	H1b	berjaya membentuk pentadbiran yang sistematik dan unggul	1
	F2	Mengimbangi amalan demokrasi	1

	H2	yang mempunyai kepelbagaian bangsa, agama dan budaya dalam masyarakat di negara kita.	1
	F3	Berjaya mewujudkan kestabilan membawa kemajuan dalam pelbagai bidang untuk bangsa dan negara	1
	H3	Malaysia sejak merdeka hingga ke hari ini.	1
	F4	Supaya Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen kekal utuh sebagai teras pemerintahan Malaysia untuk kemakmuran bangsa dan	1
	H4	negara.	1
	M	mana-mana yang munasabah	1
			[4 m]

Soalan		Cadangan	Markah
3 (a)		Siapakah yang menganggotai Majlis Durbar 1897?	
	F1	Pesuruhjaya Tinggi British	
	F2	Raja-raja Melayu (Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang)	1
	F3	Residen British di NNMB	1
	F4	Setiausaha NNMB	1
			[2 m]
3 (b)		Jelaskan perbezaan antara Majlis Sultan-Sultan semasa Malayan Union dengan semasa Persekutuan Tanah Melayu 1948.	
	F1	MSS semasa Malayan Union membincangkan undang-undang berkaitan dengan agama Islam	1
	F2	dan menasihati Gabenor tentang perkara yang dibangkitkan oleh Raja-raja Melayu.	1
	F3	MSS semasa PTM 1948 menjadi institusi yang dilengkapi dengan kuasa dan sekretariat,	1
	H3	sesuai dengan kedudukan dan peranannya.	1
	F4	Raja-raja Melayu semasa PTM 1948 juga diberi hak dan kuasa untuk mendapat penerangan daripada Pesuruhjaya Tinggi British	1
	H4	tentang penggubalan undang-undang dan dasar Kerajaan Persekutuan	1
			[4 m]



3 (c)	Majlis Raja-Raja merupakan institusi beraja di Malaysia. Jelaskan fungsi Majlis Raja-Raja berdasarkan peruntukan Perlembagaan Persekutuan.	
F1	MRR berperanan sebagai pengimbang dalam demokrasi berparlimen melalui dua cara iaitu	1
H1a	hak untuk dirundingi dalam pelantikan penting, dan	1
H1b	hak untuk membincangkan hal berhubung dengan dasar negara.	1
F2	MRR berperanan dalam menjaga keharmonian/ kesejahteraan / keamanan dalam negara.	1
F3	MRR juga berperanan menjaga kedudukan istimewa orang Melayu / bumiputera	1
F4	di samping menjaga kepentingan kaum lain.	
F4	MRR dianggap payung yang melindungi semua kaum di negara kita.	1
F5	MRR berperanan meredakan konflik yang berlaku dalam negara	1
F6	berpandukan peruntukan Perlembagaan Persekutuan.	1
H6	MRR menjadi orang tengah dalam menyelesaikan sebarang konflik /	1
F7	pertikaian yang berlaku.	1
M	mana-mana yang munasabah	1
		[4 m]

SKEMA

BAB 3 RAJA BERPERLEMBAGAAN DAN DEMOKRASI BERPARLIMEN

BAHAGIAN B (ESEI)

Soalan		Cadangan	Markah	
1	(a)	<p>Jawatan Yang di-Pertuan Agong diwujudkan selepas negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957.</p> <p>Jelaskan tentang institusi Yang di-Pertuan Agong seperti yang dinyatakan dalam Perlembagaan Persekutuan 1957.</p>		
	F1	Yang di-Pertuan Agong dipilih dalam kalangan Raja-Raja Melayu	1	
	H1a	iaitu mana-mana Sultan dari negeri Perlis, Perak, Kedah, Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Pahang, Kelantan, Terengganu	1	
	F2	Pemilihan dibuat dalam Mesyuarat Majlis Raja-Raja Melayu	1	
	F3	Menurut kaedah yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan dan Majlis Raja-Raja Melayu	1	
	F4	Jawatan Timbalan Yang di-Pertuan Agong turut diwujudkan berdasarkan Perlembagaan Persekutuan	1	
				[4 m]
	(b)	<p>Terangkan peranan Yang di-Pertuan Agong daripada segi kuasa perundangan.</p>		
	F1	Memperkenankan suatu Rang Undang-Undang	1	
	H1	melalui proses pembentangan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara	1	
F2	Persidangan Parlimen	1		
H2a	Baginda mempunyai kuasa memanggil Parlimen bersidang	1		
H2b	Baginda berkuasa menghentikan persidangan Parlimen atau membubarkan Parlimen	1		
F3	Agama	1		
H3	Baginda merupakan Ketua Agama Islam di negeri Baginda sendiri, Wilayah Persekutuan, Pulau Pinang, Melaka, Sarawak dan Sabah	1		
F4	Hak keistimewaan	1		
H4a	Baginda bertanggungjawab melindungi dan menjaga kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera Sabah dan Sarawak	1		



	H4b	Baginda juga bertanggungjawab melindungi kepentingan sah kaum lain	1
	F5	Perisytiharan darurat	1
	H5a	Baginda boleh mengisytiharkan darurat	1
	H5b	Perisytiharan darurat dibuat setelah memastikan kebenaran wujudnya keadaan yang boleh mengancam keselamatan negara/ mengancam nyawa	1
			[6 m]
	C (i)	Pada pendapat anda, mengapakah sistem Raja Berperlembagaan perlu dipertahankan?	
	F1	Kesinambungan warisan budaya bangsa	1
	F2	Melambangkan identiti bangsa Melayu	1
	F3	Perpaduan rakyat dapat dikekalkan	1
	F4	Asas pegangan Kesopanan dan Kesusilaan rakyat	1
	F5	Gabungan pemerintahan tradisional dan moden	1
	F6	Saling melengkapi agar pemerintahan bertambah kukuh	1
	F7	Mengimbangi amalan demokrasi dalam negara pelbagai kaum	1
	F8	Melindungi rakyat daripada ketidakadilan pemerintah	1
	F9	Menjadikan negara sebagai sebuah negara yang unggul mana-mana yang munasabah	1
			[5 m]
	c. ii	Bagaimanakah kesetiaan kepada Yang di-Pertuan Agong sebagai tonggak pemerintahan dapat dizahirkan?	
	F1	Berbangga dengan institusi beraja di Malaysia	1
	F2	Menjadi warga negara Malaysia yang menghormati institusi Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja Melayu	1
	F3	Menghormati perlembagaan negara	1
	F4	Taat setia kepada Raja dan negara	1
	F5	Mengamalkan Rukun Negara	1
	F6	Mempertahankan kedaulatan negara	1
	F7	Mempertahankan maruah negara daripada dipandang rendah oleh pihak lain	1
		mana-aman jawapan yang munasabah	[5 m]

Soalan		Cadangan	Markah
2	(a)	<p>Kebebasan asasi merupakan hak yang dimiliki oleh setiap individu di sisi undang-undang. Perlembagaan Negara menggariskan peruntukan berkaitan dengan kebebasan asasi.</p> <p>Jelaskan kebebasan hak asasi berdasarkan Perlembagaan Persekutuan</p>	
	F1	Merupakan hak yang dimiliki oleh seseorang individu di sisi	1
	H1a	undang-undang	1
	F2	menggariskan perkara tentang kebebasan asasi seperti kebebasan diri,	1
	H2	kebebasan beragama, hak berkenaan dengan pendidikan serta	1
	F3	kebebasan bersuara, berhimpun dan berpersatuan	1
	H3	Merupakan hak yang dimiliki oleh seseorang individu di sisi	1
		undang-undang tiada seorang pun boleh diambil nyawanya atau dilucutkan kebebasan dirinya kecuali mengikut undang-undang	
	F4	Hak berkenaan dengan pendidikan tidak boleh ada diskriminasi terhadap warganegara atas alasan agama, ras, keturunan atau tempat lahir	1
	H4	Kebebasan bersuara, berhimpun dan berpersatuan setiap warganegara berhak kepada kebebasan bersuara, berhimpun secara aman dan membentuk persatuan	1
			[4 m]

	<p>(b) Dalam mengekalkan amalan demokrasi di Malaysia, bagaimanakah pemerintah dapat menjaga kebebasan hak asasi rakyat seperti yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan</p> <p>F1 Kerajaan menggubal undang-undang</p> <p>H1a bertujuan menjaga/ memelihara hak asasi setiap rakyat dalam negara</p> <p>C1 Akta Hasutan 1948 / Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984</p> <p>F2 Kebebasan bersuara termasuklah kebebasan media</p> <p>F3 bertujuan memastikan ketenteraman dan kesejahteraan awam terjamin dalam masyarakat yang demokratik</p> <p>F4 Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)</p> <p>H4 merupakan institusi Hak Asasi Kebangsaan yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999</p> <p>C4 Akta 597 SUHAKAM berperanan bagi mempromosikan dan melindungi hak asasi semua orang di negara ini</p> <p>Inf Pemerintah berperanan memelihara / menjaga/ memastikan setiap warganegara dilindungi di sisi undang-undang / perlembagaan. (mana-mana yang munasabah)</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[5 m]</p>
	<p>(c) Kebebasan bersuara merupakan sebahagian daripada hak asasi rakyat yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan. Bagaimanakah kebebasan bersuara dapat dilaksanakan menurut lunas Perlembagaan Persekutuan?</p> <p>F1 Perlembagaan menjamin keselamatan / kesejahteraan rakyat</p> <p>H1 hak asasi rakyat seperti kebebasan bersuara dapat digunakan</p> <p>F2 Kebebasan tersebut masih tertakluk di bawah Akta Hasutan / Keselamatan Dalam Negeri</p> <p>H2a Setiap rakyat dibenarkan meluahkan pendapat / pandangan</p> <p>H2b namun masih di bawah undang-undang</p> <p>H2c memerlukan kerjasama semua etnik / kaum / pihak</p> <p>H2d mengenang kembali sejarah mendapatkan kemerdekaan supaya</p> <p>C2 menghargai keamanan yang dinikmati pada hari ini</p> <p>Inf seperti mengamalkan setiap prinsip Rukun Negara</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>

	agar dapat mengekalkan kestabilan dan keharmonian dalam negara mana-aman jawapan yang munasabah	[5 m]
--	--	-------

Soalan		Cadangan	Markah
3	(a)	<p>Selepas Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, peranan Majlis Raja-Raja dikekalkan cuma keanggotaannya telah mengalami perubahan.</p> <p>Apakah perubahan keanggotaan Majlis Raja- Raja Melayu?</p> <p>F1 Yang Dipertua negeri Pulau Pinang dan Melaka turut menjadi ahli Majlis Raja-Raja</p> <p>F2 Selepas Persekutuan Malaysia dibentuk pada tahun 1963, Yang Di-</p> <p>F3 Pertua Negeri Sarawak dan Sabah turut menjadi ahli Majlis Raja-Raja</p> <p>H3a Yang Di-Petua Negeri tidak turut serta dalam mesyuarat khas yang melibatkan institusi beraja</p> <p>H3b seperti pemilihan Yang di-Pertuan Agong dan pemilihan Timbalan Yang di-Pertuan Agong</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[4 m]</p>
	(b)	<p>Berdasarkan peruntukan Perlembagaan Persekutuan, Majlis Raja-Raja mempunyai kuasa dan fungsi dalam sistem Raja Berperlembagaan. Jelaskan fungsi tersebut</p> <p>F1 Memilih Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong</p> <p>F2 Bersetuju atau tidak bersetuju dengan sebarang undang-undang yang memerlukan persetujuan Majlis Raja-Raja</p> <p>F3 Memberi nasihat berkaitan perlantikan jawatan tertentu</p> <p>F4 Menjadi rujukan dalam perubahan dasar berhubung dengan kedudukan istimewa orang Melayu, bumiputera Sarawak dan Sabah dan kepentingan sah kaum lain.</p> <p>F7 Memberi nasihat berkaitan dengan pelantikan jawatan tertentu</p> <p>F8 Menjadi Lembaga Pengampunan bagi sesuatu kes.</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>

	F9	Memperkenalkan perubahan persempadanan negeri setelah mendapat perkenan Raja negeri berkenan Memperkenalkan pindaan perlembagaan bagi perkara-perkara tertentu	1 [5 m]
	(c)	Pada pendapat anda, apakah kesan sekiranya rakyat tidak menghormati institusi beraja?	
	F1	Kehilangan warisan politik negara	1
	F2	Kemusnahan teras pemerintahan sistem pemerintahan kerajaan Melayu	1
	F3	Tiada lagi Ketua adat istiadat negara	1
	F4	Negara mudah diancam kuasa asing	1
	F5	Kehilangan kedaulatan negara	1
	F7	Masyarakat tidak bersatu padu	1
	F8	Kesusilaan adab masyarakat menjadi lemah	1
	F9	Berakhirnya institusi semakimbang	1
	F10	Mewujudkan salah guna kuasa dan korupsi	1
	F11	Sistem pemerintahan akan dimanipulasi	1
	F12	Keamanan negara akan terganggu mana-aman jawapan yang munasabah	1
			(5m)

SKEMA
BAB 4 : SISTEM PERSEKUTUAN
BAHAGIAN A (STRUKTUR)

Soalan	Cadangan	Markah
1 (a)	<p>Senaraikan dua Raja-raja Melayu yang menandatangani Perjanjian Persekutuan 1895.</p> <p>F1 Sultan Idris Murshidul Adzam Shah</p> <p>F2 Sultan Abdul Samad Ibni Raja Abdullah</p> <p>F3 Sultan Ahmad Al-Mu'azzam Shah</p> <p>F4 Tuanku Muhammad Ibni Tuanku Antah</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[2 m]</p>
1 (b)	<p>Jelaskan ciri-ciri Kesatuan Malaya (Malayan Union) 1946.</p> <p>F1 Penyatuan semua negeri Melayu, Pulau Pinang dan Melaka</p> <p>F2 membentuk sebuah kesatuan yang dinamakan Kesatuan Malaya (Malayan Union)</p> <p>F3 Pembentukan sebuah Kerajaan Pusat yang kuat</p> <p>F4 Diketuai oleh Gabenor British</p> <p>F5 yang dilantik oleh Raja England</p> <p>F6 Penubuhan Majlis Eksekutif dan Majlis Perundangan Kesatuan Malaya</p> <p>F7 diletakkan di bawah kawalan Pesuruhjaya Tinggi British.</p> <p>F9 Sultan menjadi Ahli Majlis Raja-Raja</p> <p>F10 Sultan hanya membincangkan agama Islam dan adat istiadat Melayu</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[4 m]</p>
1 (c)	<p>Apakah yang perlu kita lakukan bagi menghargai perjuangan mereka ini?</p> <p>F1 Mempelajari dan memahami sejarah perjuangan bangsa dan negara</p> <p>H1 supaya dapat mengenali tokoh-tokoh pejuang tanahair</p> <p>C1 seperti Dato' Onn Jaafar, Dato' Nik Ahmad Kamil, Za'ba dan sebagainya</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>



Inf	Hal ini akan melahirkan perasaan sayang pada negara kerana perjuangan memerlukan ketabahan dan pengorbanan	1
F2	Menyambut Hari Kemerdekaan negara	1
H2	dengan penuh rasa bersyukur kerana berada dalam sebuah negara yang aman hasil penat lelah tokoh pejuang negara	1
C2	contohnya, memasang bendera di rumah sebagai tanda memperingati hari kemerdekaan negara	1
Inf	Kesannya, semangat berani mempertahankan negara seperti tokoh pejuang akan sentiasa tersemat dalam diri.	1
M	mana-mana yang munasabah	
		[4 m]

Soalan		Cadangan	Markah
2 (a)		Senaraikan tiga kuasa Kerajaan Persekutuan.	
	F1	Hal Ehwal Luar Negeri	1
	F2	Pertahanan	1
	F3	Keselamatan Dalam Negeri	1
	F4	Pentadbiran Keadilan	1
	F5	Kewarganegaraan	1
	F6	Kewangan	1
	F7	Perhubungan dan Pengangkutan	1
	F8	Pelajaran	1
	F9	Perubatan dan Kesihatan	1
			[3 m]
2 (b)		Kerajaan Tempatan merupakan kerajaan yang paling rapat dengan rakyat. Buktikan.	
	F1	Kerajaan tempatan merupakan perantara antara Kerajaan Negeri dengan rakyat	1
	F2	Memberikan perkhidmatan kepada penduduk setempat	1
	F3	Menyediakan perkhidmatan pembersihan	1
	F4	Mengeluarkan lesen dan kawalan penjaja	1

	F5	Membangunkan perumahan awam	1
	F6	Menyediakan kemudahan sukan dan kebudayaan	1
	F7	Menyediakan pasukan bantuan dan penyelamat	1
	F8	Menyediakan perkhidmatan kecemasan	1
	F9	Menyediakan kemudahan awam	1
	F10	Menyenggara jalan raya	1
	F11	Menyenggara sistem saliran	1
	F12	Mengindahkan kawasan	1
	F13	Menjaga kesihatan awam	1
			[3 m]
2 (c)		Sistem persekutuan telah mewujudkan pentadbiran yang mantap. Beri hujah anda.	
	F	Sistem persekutuan telah menghasilkan pentadbiran yang sistematik	1
	H	kerana wujudnya pembahagian kuasa antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri	1
	C	Contohnya, urusan pertahanan dan kewangan di bawah Kerajaan Persekutuan kerana urusan ini melibatkan kepentingan nasional	1
	Inf	Tuntasnya, tidak berlaku pertindihan kuasa yang boleh menyebabkan pertelingkahan.	1
	M	(mana-mana yang munasabah)	1
			[4 m]

Soalan		Cadangan	Markah
3 (a)		Apakah matlamat pembangunan koridor wilayah di atas ?	
	F1	Perancangan strategik jangka panjang	1
	F2	Tumpuan kepada pembangunan di negeri dan wilayah yang kurang pesat	1
	F3	Mewujudkan keseimbangan pembangunan antara negeri dan wilayah.	1
			[2 m]
3 (b)		Nyatakan kepentingan pembangunan koridor wilayah kepada rakyat dan negara.	
	F1	Menyeimbangkan sosioekonomi penduduk setempat	1
	F2	Mengecilkan jurang pendapatan antara wilayah dan negeri	1



	F3	Membuka peluang pekerjaan	1
	F4	Memperbaiki ekonomi penduduk	1
	F5	Menggalakkan pelaburan dalam negara.	1
	F6	Membina kemakmuran negara.	1
			[4 m]
3 (c)		Andaikan anda pemimpin di masa hadapan, bagaimanakah untuk meningkatkan pembangunan koridor wilayah di masa hadapan?	
	F1	Menggalakkan kerjasama antara pemimpin dengan rakyat	1
	H1	Dalam usaha mempelbagai sektor/ sumber ekonomi	1
	C1	contohnya sektor pertanian dengan memperbanyakkan tanaman makanan di wilayah yang dibangunkan	1
	Inf	Kesannya, kehidupan rakyat akan lebih sejahtera.	1
	F2	Menggalakkan pelaburan negara luar untuk menjana ekonomi	1
	C2	contohnya pelaburan dari China, Arab Saudi dan Amerika	1
	H2	Hal ini akan merancakkan sektor perindustrian dan perniagaan	1
	Inf	Impaknya, kemakmuran ekonomi akan dapat dicapai di wilayah yang dibangunkan.	1
		mana-mana yang munasabah	[4 m]

SKEMA
BAB 4 : SISTEM PERSEKUTUAN
BAHAGIAN B (ESEI)

Soalan	Jawapan	Markah
1 (a)	<p>Mengapakah wujud pembahagian kuasa tersebut?</p> <p>F1 Melicinkan perjalanan sistem persekutuan</p> <p>F2 Mengelakkan permasalahan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri</p> <p>F3 Menjamin kestabilan negara</p> <p>F4 Menjamin kemajuan negara</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[4 m]</p>
1 (b)	<p>Berdasarkan pengetahuan anda, mengapakah dua bidang kuasa di atas diletakkan di bawah Senarai Persekutuan?</p> <p>F1 Untuk mewujudkan Kerajaan Persekutuan yang kuat</p> <p>H1 kerana urusan pertahanan dan keselamatan negara adalah sangat penting untuk mengekalkan kedaulatan negara</p> <p>H1 dengan cara memastikan pencerobohan kuasa asing tidak berlaku</p> <p>C1 seperti pencerobohan pesawat tentera China di ruang udara Malaysia pada pada Jun 2021</p> <p>I Hal ini penting untuk memastikan negara kita dihormati oleh negara lain.</p> <p>F2 Untuk mewujudkan keamanan dalam negara</p> <p>H2 dengan urusan keselamatan dalam negara di letakkan di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri</p> <p>C2 seperti Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Penjara Malaysia dan sebagainya.</p> <p>I Kesannya, urusan keselamatan dalam negara dapat diselaraskan diperingkat nasional.</p> <p>M Mana-mana munasabah</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[8m]</p>

1 (c)	Beri mesej anda kepada rakyat dan pemimpin di negara ini supaya sentiasa sentiasa menjaga kestabilan politik dan kemakmuran ekonomi?	
F1	Rakyat dan pemimpin perlulah sentiasa menghormati Perlembagaan Malaysia	1
H1	dengan tidak membuat penulisan/kenyataan yang bercanggah dengan Perlembagaan Malaysia di dalam media sosial/media massa/media elektronik	1
C1	seperti di dalam instagram, facebook, twitter dan sebagainya	1
I	Hal ini akan dapat mengelakkan kekacauan berlaku dalam negara.	1
F2	Pemimpin perlulah menyelesaikan segala kekusutan yang berlaku dalam soal politik dan ekonomi di meja rundingan/Parlimen	1
H2	dengan cara profesional demi kepentingan rakyat	1
C2	misalnya, isu berkaitan pandemik Covid-19 dan cara menanganinya.	1
I	Kesannya, kesejahteraan rakyat akan terjamin.	1
M	Mana-mana munasabah	[8m]

Soalan	Jawapan	Markah
2 (a)	Jelaskan aspek kerjasama berikut: (i) Kerjasama Pembangunan Sosioekonomi	
F1	Pembangunan Tanah	1
F2	Pembukaan tanah baharu dan pembangunan <i>in-situ</i>	1
F3	Penubuhan FELDA	1
F4	Melaksanakan rancangan pembangunan tanah baharu	1
F5	Penubuhan FELCRA	1
F6	Menyatukan, memulihkan dan membangunkan tanah Kerajaan Negeri yang terbiar.	1
F7	Pembangunan Wilayah	1
F8	Pembangunan Koridor Wilayah	1
F9	Pembangunan negeri dan wilayah yang kurang pesat.	1
	Mana-mana munasabah	[4 m]

	<p>(ii) Kerjasama Pemuliharaan Khazanah Negara</p> <p>F1 Mengekalkan warisan biodiversiti untuk masa hadapan.</p> <p>F2 Pengurusan Taman Negara</p> <p>F3 Berteraskan Perlembagaan Persekutuan- Pengurusan hidupan liar dan</p> <p>F4 Taman negara tanggungjawab bersama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.</p> <p>F5 Penubuhan PERHILITAN</p> <p>F6 Taman Negara di bawah Tapak Warisan Dunia UNESCO</p> <p>F7 Pengurusan Taman Laut</p> <p>F8 Pewartaan 42 buah pulau sebagai taman laut.</p> <p>F9 Penubuhan Jabatan Taman Laut Malaysia.</p> <p>Mana-mana munasabah</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[4 m]</p>
2 (b)	<p>Terangkan kepentingan kerjasama erat antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.</p> <p>F1 Mempunyai pemerintah</p> <p>H1a Melicinkan pentadbiran</p> <p>H1b Memudahkan urusan pentadbiran di peringkat negeri</p> <p>Menunjukkan kecekapan pentadbiran.</p> <p>F2 Memudahkan urusan</p> <p>H2a Menyampaikan bantuan dan insentif kerajaan kepada rakyat di akar umbi.</p> <p>H2b Memastikan keseimbangan pengagihan ekonomi dan kekayaan.</p> <p>Mana-mana munasabah</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[8m]</p>
2 (c)	<p>Pada pandangan anda, wajarkah Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri meminta bantuan negara luar bagi menyelesaikan isu keselamatan di Sabah? Berikan hujah anda.</p> <p>P Wajar</p> <p>F1 Memperkukuh aspek keselamatan sempadan negara</p> <p>H1 Ancaman negara jiran yang diluar jangkaan</p> <p>H1a Menambah persediaan dan memperketat keselamatan</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>

C1	Bantuan ketenteraan daripada negara Komanwel/ PBB / dll	1
I	Bukan sahaja memperkukuh keselamatan, malah mengeratkan kerjasama dengan negara anggota Komanwel.	1
	atau	
P	Tidak Wajar	1
F2	Mempunyai kekuatan atau aset ketenteraan yang mencukupi	1
H2	Mampu membendung serangan daripada pemberontak negara jiran/ serantau	1
C2	Menggerakkan semua agensi keselamatan seperti tentera, polis, PGA, Maritim dan sebagainya.	1
I	Membuktikan kekuatan dan kemampuan Malaysia menangani sendiri ancaman keselamatan yang berlaku.	1
	Mana-mana munasabah	[8m]

Soalan	Jawapan	Markah
3 (a)	Bagaimanakah keluruhan Perlembagaan mampu mengukuhkan sistem Persekutuan di negara ini?	
	F1 Konsep keluruhan Perlembagaan itu sendiri.	1
	H1a Penerimaan rakyat terhadap Perlembagaan Persekutuan.	1
	H1b Mengakui, menerima dan mengamalkan dengan taat.	1
	H1c Secara tidak langsung sistem Persekutuan juga diakui dan diperkukuh.	1
	F2 Keselarasan undang-undang peringkat negeri dan Persekutuan.	1
	H2a Undang-undang yang tidak bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan.	1
	H2b Memantapkan pentadbiran peringkat negeri dan Persekutuan.	1
	F3 Penggubalan undang-undang yang menjalankan kelancaran sistem Persekutuan.	1
	H3a Penggubalan di peringkat DUN dan Parlimen.	1
	H3b Digubal berdasarkan keperluan rakyat dan tuntutan semasa.	1

	H3c	Mudah diterima oleh pemimpin dan rakyat yang akhirnya mengukuhkan sistem Persekutuan. <i>Mana-mana munasabah</i>	1 1 [6 m]
3 (b)		<p>Terangkan tujuan penubuhan majlis khas berikut dalam usaha mengukuhkan sistem Persekutuan.</p> <p>(i) <u>Majlis Kewangan Negara</u></p> <p>F1 Menyelaraskan pentadbiran peringkat Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri.</p> <p>H1a Mentadbir hal ehwal berkaitan kewangan.</p> <p>C1a Seperti urusan pemberian wang, bayaran cukai dan pinjaman Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri.</p> <p>H1b Malancar dan menyeragamkan pentadbiran di setiap peringkat.</p> <p>(ii) <u>Majlis Keselamatan Negara</u></p> <p>F2 Menyelaraskan segala hal berkaitan dengan keselamatan negara.</p> <p>H2a Mempertahankan kedaulatan negara.</p> <p>H2b Mengurus dan menyelaraskan tindakan yang berkaitan krisis dan bencana dalam negara.</p> <p>H2c Memastikan keselamatan rakyat dan negara.</p> <p>H2d Memastikan keselamatan sempadan negara sama ada sempadan darat, air dan udara.</p> <p><i>Mana-mana munasabah</i></p>	1 1 1 1 [3m] 1 1 1 1 1 [3m]

3 (c)	<p>Pengukuhan sistem Persekutuan adalah tanggungjawab bersama antara rakyat dan pemimpin.</p> <p>Sekiranya anda menjadi pemimpin di masa hadapan, huraikan tindakan anda untuk mengajak rakyat supaya membantu mengukuhkan negara.</p> <p>F1 Memperkasa dan menyemai prinsip Rukun Negara. 1</p> <p>H1a Meminta rakyat menghayati dan mengamalkan Rukun Negara. 1</p> <p>H1b Langkah penting untuk membentuk ideologi rakyat. 1</p> <p>I Memudahkan saya untuk mengajak rakyat bersatu membina negara. 1</p> <p>F2 Menanam semangat juang rakyat di peringkat sekolah. 1</p> <p>H2 Melahirkan generasi yang sanggup berkorban mempertahankan negara. 1</p> <p>C2 Contohnya, penekanan dalam mata pelajaran Sejarah, Pendidikan Moral dan sebagainya. 1</p> <p>I Membentuk jati diri yang kukuh dalam diri setiap rakyat. 1</p> <p>F3 Menyelesaikan masalah rakyat di peringkat akar umbi tanpa mengira kaum. 1</p> <p>H3a Mengambil hati rakyat. 1</p> <p>H3b Rakyat akan mudah menerima tindakan pemimpin yang memahami dan membantu mereka. 1</p> <p>C3 Contoh, masalah perumahan dan pengangguran yang dialami oleh rakyat. 1</p> <p>I Wujud situasi timbal balik dan menang-menang. 1</p> <p>Mana-mana munasabah</p>	<p>[8m]</p>
-------	--	-------------

SKEMA
BAB 5 : PEMBENTUKAN MALAYSIA
BAHAGIAN A (STRUKTUR)

Soalan	Cadangan	Markah
1 (a)	Nyatakan 2 buah negeri yang di cadang untuk digabungkan dalam Persekutuan Malaysia	
	F1 Persekutuan Tanah Melayu	1
	F2 Sabah	1
	F3 Sarawak	1
	F4 Singapura	1
	F5 Brunei	1
		[2 m]
(b)	Jelaskan rasional cadangan pembentukan Persekutuan Malaysia?	
	F1 Keselamatan	1
	H1a Ancaman komunis di Singapura	1
	H1b telah menggugat keselamatan Persekutuan Tanah Melayu	1
	H1c Tunku menganggap Singapura akan menjadi pusat kegiatan komunis	1
	H1d Pembentukan Malaysia akan memberikan kuasa kepada kerajaan Persekutuan dalam bidang keselamatan/pertahanan	1
	H1e Bagi membendung ancaman komunis di Singapura	1
	F2 Perkembangan di Sarawak	1
	H2a Sarawak berhadapan ancaman komunis melalui gerakan Clandestine Communist Organization	1
	H2b Penggabungan akan membendung ancaman komunis di Sarawak	1
	F3 Keseimbangan komposisi penduduk	1
	H3a Penggabungan Sabah, Sarawak dan Brunei akan menyeimbangkan komposisi antara kaum	1
	F4 Mempercepat kemerdekaan	1
	H4a British dapat merealisasikan rancangan dekolonisasi	1
	H4b	1

	F5	Mempercepat kemerdekaan wilayah Borneo terutama Sabah dan	1
	H5a	Sarawak	1
	H5b	Pembangunan Wilayah	1
	C5a	Mempercepat pembangunan pelbagai bidang	1
		Meningkatkan taraf hidup peribumi dalam pelbagai aspek Infrastruktur/ Sosial/ Ekonomi	[4 m]
(c)		Bagaimanakah pembentukan Persekutuan Malaysia membawa manfaat kepada semua negeri yang terlibat sehingga hari ini?	
	F1	Menyekat pengaruh komunis/ parti berhaluan kiri	1
	F2	Menjadi benteng ancaman komunis	1
	F3	Mempercepat kemerdekaan Sabah/ Sarawak/Singapura	1
	F4	Menjana pembangunan ekonomi/ politik/ sosial negeri yang terlibat	1
	F5	Mewujudkan keamanan	1
	F6	Memelihara kestabilan politik di rantau Asia Tenggara	1
	F7	Meluaskan pasaran ekonomi	1
	F8	Menggalakkan kemasukan pelabur asing (mana-mana yang munasabah)	1 [4 m]

Soalan		Cadangan	Markah
2 (a)		Apakah X dan Y?	
	X	Suruhanjaya Cobbold	1
	Y	Referendum Singapura	1
			[2 m]
(b)		Jelaskan peranan X dan Y dalam proses pembentukan Malaysia	
	(i)	Peranan X	
	F1	Meninjau reaksi penduduk Sarawak dan Sabah tentang pembentukan Malaysia	1
	F2	Mengesahkan 2/3 penduduk Sabah dan Sarawak menyokong pembentukan Malaysia	1

	F3	Mengesyorkan perlembagaan PTM 1957 menjadi asas perlembagaan Persekutuan Malaysia 1963	1
	F4	Mencadangkan kuasa autonomi dan jaminan khas kepada Sarawak dan Sabah yang tidak boleh dipinda atau dibatal tanpa persetujuan kerajaan negeri berkenaan	1 [2 m]
(ii)	Peranan Y		
	F1	Menyatakan bentuk pilihan Singapura untuk menyertai Malaysia	1
	F2	Mengesahkan persetujuan rakyat Singapura untuk menyertai Malaysia	1
	F3	Melaporkan majoriti rakyat Singapura bersetuju bergabung membentuk Persekutuan Malaysia	1 [2 m]
(c)		Apakah iktibar yang anda peroleh daripada pembentukan Persekutuan Malaysia?	
	F1	Bijaksana mengatasi pelbagai rintangan	1
	F2	Kesepakatan pemimpin dan rakyat untuk kepentingan bersama	1
	F3	Mengutamakan rundingan dalam usaha menyelesaikan masalah	1
	F4	Sentiasa berwaspada terhadap ancaman luar	1
	F5	Kepentingan berfikiran strategic bagi mencapai kejayaan	1
	F6	Sentiasa berpandangan positif	1
	F7	Bersedia menerima pandangan yang membina	1
	F8	(mana-mana yang munasabah)	1 [4 m]

Soalan	Cadangan	Markah
3 (a)	Nyatakan inti pati perjanjian tersebut?	
	F1 Tarikh pembentukan Malaysia pada 31 Ogos 1963	1
	F2 Sarawak, Sabah dan Singapura menjadi ahli dalam Persekutuan Malaysia bersama Persekutuan Tanah Melayu	1
	F3 Kerajaan British mengiktiraf kedaulatan Sarawak, Sabah dan Singapura dalam Malaysia	1
	F4 Memberikan kelebihan kepada Sarawak dan Sabah menubuhkan kabinet negeri	1

	F5	Memperuntukkan tempoh masa peralihan di Sarawak dan Sabah	
	C5a	dalam bidang pendidikan/pentadbiran awam	1
	F6	Pemberian kerusi Parlimen kepada setiap negeri	1
	H6a	iaitu Singapura sebanyak 15 kerusi/ Sarawak 24 kerusi/Sabah 15 kerusi	1
	F7	Penduduk Sabah dan Sarawak mendapat pengiktirafan sama seperti orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan.	1
			[2 m]
(b)		Jelaskan kepentingan Perjanjian Malaysia 1963 terhadap penduduk Sabah dan Sarawak?	
	F1	Merdeka daripada penjajahan British	1
	F2	Menjamin hak rakyat Sabah dan Sarawak	1
	F3	Memperoleh taraf bumiputera setaraf dengan orang Melayu	1
	F4	Menjamin peluang sama rata dalam semua aspek	1
	F5	Mengukuhkan kestabilan politik di Sabah dan Sarawak	1
	F6	Pasaran ekonomi Sabah dan Sarawak dalam bidang perdagangan diperluaskan	1
	F7	Mendapat jaminan wakil dalam Parlimen melalui pemberian kerusi Parlimen	1
			[4 m]
(c)		Pemimpin memainkan peranan untuk memastikan hak dan kebajikan rakyat sentiasa terjaga. Jelaskan pernyataan tersebut?	
	F1	Memastikan kemajuan pendidikan rakyat	1
	H1a	untuk melahirkan generasi berilmu	1
	F2	Memastikan keperluan dan kebajikan rakyat terjamin	1
	H2a	supaya rakyat hidup dalam aman dan sejahtera	1
	F3	Menyediakan perancangan pembangunan yang teratur dan seimbang	1
	H3a	agar semua rakyat memperoleh manfaat	1
	F4	Memastikan keselamatan negara terjamin daripada anasir luar	1
	H4a	untuk mengelak penjajahan fizikal/ minda/budaya dalam kalangan rakyat	1
	C4a	melalui penguatkuasaan undang-undang siber/multimedia/pertahanan mana-mana yang munasabah	[4 m]

SKEMA
BAB 5 : PEMBENTUKAN MALAYSIA
BAHAGIAN B (ESEI)

Soalan	Jawapan	Markah
1 (a)	<p>Nyatakan reaksi awal terhadap gagasan Malaysia.</p> <p>i. Persekutuan Tanah Melayu;</p> <p>F1 Mendapat sambutan baik dari penduduk</p> <p>F2 Parti politik secara prinsipnya bersetuju</p> <p>F3 Tunku Abdul Rahman mendapat sokongan UMNO</p> <p>ii. Singapura;</p> <p>F1 PAP menyambut baik rancangan ini</p> <p>F2 Golongan pedagang dan pengusaha menyokong usaha ini Parti</p> <p>F3 Buruh Singapura menganggap sebagai usaha yang sukar dilaksanakan</p> <p>F4 Parti Rakyat Singapura menentang gagasan Malaysia Barisan Sosialis juga menentang dan menganggap satu penjajahan bentuk baru</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[4 m]</p>
1 (b)	<p>Pengumuman pembentukan Malaysia telah mendapat pelbagai maklum balas dan reaksi tempatan dan negara jiran. Huraikan reaksi awal negara jiran terhadap gagasan Malaysia</p> <p>F1 Indonesia</p> <p>F2 Indonesia tidak menentang pada peringkat awal.</p> <p>F3 Menteri luar Indonesia mengalu-alukan idea pembentukan Malaysia.</p> <p>F4 Filipina</p> <p>F5 Presiden Diosdado dari Filipina menentang</p> <p>F6 Filipina ingin menuntut Sabah.</p> <p>F6 Thailand</p> <p>F7 Kerajaan Thailand memberi reaksi yang positif.</p> <p>F8 Memperkuat usaha ke arah keamanan di Rantau Asia Tenggara</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[8 m]</p>

(c)	Pada pendapat anda, mengapakah terdapat pelbagai reaksi yang berbeza dalam pembentukan Malaysia?	
F1	Perbezaan pendapat dan pandangan.	
F2	Mempengaruhi perasaan seseorang untuk bertindak balas terhadap sesuatu perkara.	1 1
F3	Mempunyai matlamat dan niat yang berbeza.	
F4	Sasaran yang ingin dihajati bergantung kepada kepentingan individu.	1
F5	Marah apabila peluang keputusan yang diumumkan tidak tercapai.	1
F6	Keadaan dan suasana yang berbeza.	1
F6	Suasana perjuangan yang radikal menimbulkan tindak balas yang agresif.	1
F7	Keadaan di tempat rusuhan melahirkan perasaan untuk memberontak.	1
F8	Emosi dalaman yang terpendam berbeza	1
F9	Emosi marah ataupun dendam yang terpendam akan	1
H9	mempercepat tindak balas yang secara luar kawalan.	1
	Mana-mana yang munasabah	1
		[8m]

Soalan	Jawapan	Markah
2 (a)	Huraikan langkah ke arah merealisasikan pembentukan Malaysia	
F1	Siri lawatan.	1
H1a	Lawatan Tunku Abdul Rahman pada Julai 1961.	1
H1b	Lawatan November 1962, menjelaskan rancangan Malaysia kepada penduduk Sabah dan Sarawak.	1
F2	Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM).	1
H2a	Meyakinkan penduduk Sarawak dan Sabah, menyediakan ruang perbincangan bagi mendapatkan kata sepakat, mengumpul pandangan	1

	H2b	Menyebarkan maklumat, memupuk aktiviti mempromosikan dan mempercepatkan pembentukan Malaysia.	1
	F3	Rundingan London 1961.	1
	H3	Kedua-dua kerajaan bersetuju untuk menubuhkan sebuah suruhanjaya.	1
	F4	Suruhanjaya Cobbold 1962	1
	H4	Meninjau reaksi penduduk di Sarawak dan Sabah.	1
	F5	Referendum Singapura.	1
	H5a	Diadakan di Singapura pada awal September, 1962.	1
	H5b	Menyatakan bentuk pilihan Singapura menyertai Malaysia.	1
	F6	Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK), 1962.	1
	H6	Menyediakan rangka perlembagaan dan melindungi kepentingan Sarawak dan Sabah.	1
			[4 m]
2 (b)		Terangkan intipati Perjanjian Malaysia.	
	F1	Tarikh pembentukan Malaysia pada 31 Ogos 1963.	1
	F2	Sarawak, Sabah dan Singapura akan menjadi ahli dalam Persekutuan Malaysia bersama-sama Persekutuan Tanah Melayu.	1
	F3	Kerajaan British akan mengiktiraf kedaulatan Sarawak, Sabah dan Singapura dalam Malaysia.	1
	F4	Memberikan kelebihan kepada Sarawak dan Sabah menubuhkan Kabinet Negeri.	1
	F5	Memperuntukkan tempoh masa peralihan.	1
	H5a	Bidang pentadbiran awam kepada Sarawak dan Sabah.	1
	H5b	Bidang pendidikan kepada Sarawak dan Sabah.	1
	F6	Kerusi parlimen diberikan.	1
	H6a	Singapura sebanyak 15 kerusi,	1
	H6b	Sarawak 24 kerusi	1
	H6c	Sabah 16 kerusi.	1
	F7	Penduduk bumiputera di Sarawak dan Sabah mendapat pengiktirafan sama seperti orang Melayu dalam perlembagaan.	1
			[8 m]



2 (c)	Tindakan bijak Tunku Abdul Rahman membentuk Malaysia telah membawa kebaikan kepada rakyat. Buktikan pernyataan tersebut.	
F1	Mempercepatkan kemerdekaan Sabah, Sarawak dan Singapura.	1
F2	Pembangunan lebih pantas.	1
F3	Ancaman komunis dibanteras.	1
F4	Pertahanan negara lebih kukuh.	1
F5	Keluasan negara bertambah	1
F6	Pasaran barangan lebih luas.	1
F7	Aktiviti ekonomi dapat ditingkatkan.	1
F8	Hasil negara kian meningkat	1
	Mana-mana yang munasabah	[8m]

Soalan	Jawapan	Markah
3 (a)	<p>Pada 20 Januari 1963, Menteri Luar Indonesia, Dr Subandrio mengumumkan dasar konfrontasi untuk menentang Malaysia.</p> <p>F1 Indonesia menggunakan slogan “Ganyang Malaysia”.</p> <p>F2 Pada 6 Januari – 27 Mac 1963, tentera Indonesia melancarkan serangan gerila di Sarawak.</p> <p>F3 Pada 12 April 1963, tentera dan separa tentera Indonesia mendarat di Tebedu, Sarawak.</p> <p>F4 Pada 29 Disember 1963, berlaku tembak menembak antara tentera Indonesia dengan Malaysia di Kalabakan, Sabah.</p> <p>F5 Pada bulan Ogos hingga Disember 1964, Indonesia mendaratkan tenteranya di Johor.</p> <p>F6 Pada 2 September 1964, 30 orang gerila Indonesia mendarat di Labis, Johor.</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[4 m]</p>
3 (b)	<p>Terangkan langkah-langkah Malaysia menamatkan konfrontasi.</p> <p>F1 Tunku Abdul Rahman menerangkan tujuan pembentukan Malaysia dalam rundingan di Tokyo pada tahun 1963.</p> <p>F2 Pada 7 – 11 Jun 1963, Tun Abdul Razak Hussein dan Dr Subandrio mencari penyelesaian dalam mesyuarat peringkat Menteri Luar di Manila.</p> <p>H3a Mesyuarat di Manila pada 31 Julai – 5 Ogos 1963.</p> <p>H3b Indonesia dan Filipina bersetuju dengan pembentukan Malaysia.</p> <p>F4 Setelah penilaian PBB dibuat terhadap Sabah dan Sarawak.</p> <p>H4a Pada 1964, Malaysia menyertai dua persidangan.</p> <p>H4b Peringkat menteri di Bangkok.</p> <p>F5 Sidang kemuncak di Tokyo bersama-sama Indonesia dan Filipina.</p> <p>H5 Malaysia berunding dengan Indonesia untuk menamatkan konfrontasi.</p> <p>F6 Selepas peralihan kepimpinan di Indonesia pada 30 September 1965. Pada 11 Ogos 1965, Tun Abdul Razak menandatangani perjanjian menamatkan konfrontasi di Jakarta.</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[8 m]</p>

3 (c)	Huraikan usaha-usaha untuk mengelakkan kejadian konfrontasi daripada berulang	
F1	Menjalinkan hubungan baik dengan negara jiran.	1
F2	Mengeratkan perpaduan rakyat.	1
F3	Menanam semangat patriotisme dalam kalangan warganegara.	1
F4	Mengukuhkan jati diri rakyat.	1
F5	Sentiasa peka terhadap perkembangan di luar negara.	1
F6	Tegas dalam pendirian berhubung isu diplomatik.	1
F7	Tidak menimbulkan krisis dengan negara lain.	1
F8	Sentiasa mencari penyelesaian melalui rundingan dan kerjasama	1
	Mengamalkan dasar berkecuali.	1
	Mendukung dasar hormat menghormati antara satu sama lain.	1
	Mana-mana yang munasabah	[8m]

SKEMA
BAB 6: CABARAN SELEPAS PEMBENTUKAN MALAYSIA
BAHAGIAN A (STRUKTUR)

Soalan	Cadangan	Markah
1 (a)	Senaraikan cabaran dalaman Malaysia dari aspek pembangunan sosioekonomi di Sarawak dan Sabah?	
F1	Mempelbagaikan kegiatan ekonomi	1
H1	Melibatkan rakyat dengan aktiviti ekonomi komersial	1
H2	Kerajaan menyusun bidang pekerjaan	1
C1a	Kerajaan mempelbagaikan pertanian komersial seperti kelapa sawit, getah dan koko	1
C1b	Membuka peluang penduduk menyertai ekonomi berkaitan petroleum	1
F2	Memajukan sistem perhubungan dan pengangkutan	1
H2a	Masih bergantung pada sistem pengangkutan air	1
H2b	Tugas utama kerajaan membina sistem perhubungan terutama di kawasan pedalaman	1
H2c	Dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Pertama	1
F3	Memajukan sistem pendidikan	1
H3a	Vernakular Inggeris dan Cina di kawasan bandar	1
H3b	Penduduk pedalaman tidak dapat peluang secukupnya untuk bersekolah	1
C3a	Membina sekolah	1
C3b	Melatih guru untuk memberikan pendidikan kepada penduduk	1
		[2 m]
(b)	Jelaskan cabaran politik di Sarawak?	
F1	Krisis perlembagaan berlaku pada Jun 1966	1
F2	21 ahli Council negeri tidak berpuas hati dengan kepimpinan Stephen	1
F3	Kalong Ningkan	1
F4	Stephan Kalong Ningkan dipecat oleh Gabenor	1
F5	Stephen mencabar di Mahkamah Tinggi Sarawak dan menang	1
F6	Mendapat undi tidak percaya daripada Council Negeri	1

	F7	Krisis politik mengancam keamanan dan keselamatan	1
	F8	Darurat diisytiharkan di Sarawak	1
	F9	Stephen Kalong Ningkan diganti oleh Tawi Sli	1
			[3 m]
(c)		Perpaduan antara kaum dan integrasi nasional perlu diperkukuhkan dan dihayati. Bagaimanakah cara untuk mengekalkan perpaduan kaum di Malaysia?	
	F1	Menghayati Prinsip Rukun Negara	1
	F2	Mengamalkan sikap tolak ansur	1
	F3	Mengamalkan semangat kekitaan	1
	F4	Saling hormat menghormati antara kaum	1
	F5	Menghormati undang-undang negara mana-mana yang munasabah	1
		ATAU	
	F1	Mengamalkan Prinsip Rukun Negara	1
	H1a	Nilai-nilai patriotisme seperti cinta negara dalam diri sangat penting	1
	H1b	Bagi melahirkan masyarakat progresif dan demokratik	1
	C	Contohnya menjadi sukarelawan negara	1
	I	Mengukuhkan lagi perpaduan dikalangan rakyat mana-mana yang munasabah	1
			[4 m]

Soalan		Cadangan	Markah
2 (a)		Senaraikan bentuk ancaman komunis di Sarawak ?	
	F1	Gerakan politik	1
	F2	Serangan bersenjata	1
			[2 m]
(b)		Berdasarkan kepada pembelajaran anda dalam sejarah, nyatakan usaha yang telah dilaksanakan oleh kerajaan bagi menanggapi ancaman komunis di Sarawak?	
	F1	Perang saraf	1
	H1a	Mengadakan perhimpunan awam dengan memberikan kesedaran bahaya ancaman komunis	1
			1
	H1b	Menyebarkan risalah menanam kebencian terhadap komunis	1
	H1c	Mengisytiharkan kawasan putih	1
	H1d	Tawaran pengampunan kepada anggota komunis	1
	H1e	Menyediakan kemudahan perhubungan lebih baik	1
	F2	Operasi ketenteraan	1
	F3	Operasi Hammer di bahagian Pertama	1
	H3a	Penempatan baharu untuk 7500 orang	1
	H3b	Petempatan dikawal dan dikenakan perintah berkurung	1
	H3c	Operasi Jala Raja dilancarkan di Asajaya	1
	H3d	Rundingan komunis dengan Ketua menteri Sarawak	1
	H3e	500 komunis menyerah diri	1
	F4	Operasi oleh RASCOM	1
	H4a	Rampasan senjata di bahagian Ketiga	1
	H4b	Operasi Ngayau dilancarkan di bahagian Ketiga	1
	F5	Operasi Sri Aman	1
	H5a	Memorandum persefahaman di Rumah Sri Aman	1
			[4 m]

(c)	<p>Keselamatan dan keamanan negara perlu dipelihara, apakah peranan yang anda boleh lakukan kepada negara?</p> <p>F1 Menghayati Prinsip Rukun Negara</p> <p>F2 Mematuhi undang-undang negara</p> <p>F3 Menyokong usaha kerajaan</p> <p>F4 Menyertai pasukan keselamatan negara</p> <p>F5 Tidak terlibat dengan kegiatan subversif</p> <p>F6 Saling hormat menghormati antara kaum mana-mana yang munasabah</p> <p>ATAU</p> <p>F1 Mengamalkan Prinsip Rukun Negara</p> <p>H1a Nilai-nilai patriotisme seperti cinta negara dalam diri sangat penting</p> <p>H1b Bagi melahirkan masyarakat progresif dan demokratik</p> <p>C Contohnya menjadi sukarelawan negara</p> <p>I Mengukuhkan lagi perpaduan dikalangan rakyat mana-mana yang munasabah</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[4 m]</p>
-----	---	---



Soalan	Cadangan	Markah
3 (a)	Nyatakan dua isu pembangunan dan ekonomi negara dalam Rancangan Malaysia Pertama?	
F1	Terlalu bergantung pada eksport getah dan bijih timah	1
F2	Kejatuhan harga bahan mentah	1
F3	Penduduk terlibat dalam pertanian	1
F4	Petani berpendapatan rendah	1
F5	Pertanian komersial kurang diusahakan petani	1
F6	Taraf hidup berbeza	1
F7	Peluang pekerjaan terhad	1
F8	Kadar pengangguran meningkat	1
F9	Masalah kesihatan dan sosial	1
F10	Keperluan asas dan hak wanita dari segi kehamilan terhad	1
F11	Kemudahan kesihatan profesional kepada ibu mengandung kurang	1
F12	Kadar kelahiran tidak normal dan kematian tinggi	1
		[2 m]
(b)	Bagaimanakah isu dalam soalan (a) diatas diatasi ?	
F1	Merujuk sistem pemerintahan berkuasa mutlak	1
F2	Mempelbagaikan kegiatan ekonomi pertanian dan pemprosesan	1
F3	Mencari pasaran baharu bagi getah dan bijih timah	1
F4	Mempelbagaikan bidang pertanian terutama kelapa sawit dan koko	1
F5	Mempelbagaikan pengeluaran komoditi negara	1
F6	Melancarkan program pembangunan berasaskan satu rancangan bersepadu	1
F7	Menggerakkan aktiviti perkilangan dan pembuatan dengan membuka kawasan baharu	1
F8	Mempercepatkan integrasi penduduk dan negeri	1
F9	Mendapatkan bantuan bank dunia	1
F10	Menubuhkan pusat latihan vokasional dan teknikal	1
F11	Meluaskan peluang pekerjaan	1
F12	Mengurangkan kadar kelahiran	1

	F13	Memperkenalkan Program Perancang Keluarga	1
	F14	Menambah baik perkhidmatan kesihatan luar bandar	1
			[4 m]
(c)		Sebagai rakyat yang prihatin, apakah yang anda boleh lakukan bagi membantu meningkatkan ekonomi dan pembangunan negara?	
	F1	Membeli barangan buatan Malaysia	1
	F2	Bercuti dalam Malaysia	1
	F3	Berkerja dalam negara Malaysia	1
	F4	Membuka perniagaan dalam Malaysia	1
	F5	Memberikan peluang pekerjaan kepada warganegara	1
	F6	Rakyat menabung dalam negara	1
	F7	Rakyat berbelanja secara berhemah	1
		mana-mana yang munasabah	
		ATAU	
	F1	Membeli barangan tempatan	1
	H1a	Mengurangkan kadar import	1
	H1b	pengaliran keluar mata wang dapat diminimumkan	1
	C	Contoh membeli kereta jenama Proton	1
	I	Kesedaran dan sikap bertanggungjawab ini akan memajukan negara	1
		mana-mana yang munasabah	[4 m]

SKEMA
BAB 6 : CABARAN SELEPAS PEMBENTUKAN MALAYSIA
BAHAGIAN B (ESEI)

Soalan	Jawapan	Markah
1 (a)	<p>Jelaskan faktor ekonomi yang membawa kepada pemisahan Singapura</p> <p>F1 Singapura menuntut pembukaan pasaran bersama disegerakan</p> <p>F2 Tidak puas hati dengan cadangan tambahan cukai</p> <p>H2a yang perlu diberikan kepada Kerajaan Persekutuan</p> <p>F3 Singapura juga mahu mengenakan kadar rendah faedah</p> <p>H3a terhadap sebahagian daripada pinjaman</p> <p>H3b Kerajaan Persekutuan meminjam 150 juta bagi pembangunan Sarawak dan Sabah</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[4 m]</p>
1 (b)	<p>Huraikan kronologi pemisahan Singapura daripada Malaysia</p> <p>F1 Kegagalan rundingan Tun Abdul Razak Hussien dan Lee Kuan Yew pada 29 Jun 1965</p> <p>F2 Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj mengarahkan Tun Abdul Razak Hussien bermesyuarat dengan beberapa menteri</p> <p>H2a Antara menteri berkenaan ialah Dr. Ismail Abdul Rahman, Tan Siew Sin dan V.T Sambanthan</p> <p>H2b Membincangkan tentang pemisahan</p> <p>F3 Pada awal Ogos 1965, Mesyuarat Khas Kabinet Malaysia bersetuju dengan rancangan pemisahan</p> <p>F4 Pada Ogos 1965 Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj dan Lee Kuan Yew menandatangani persetujuan untuk Singapura keluar daripada Malaysia</p> <p>F5 9 Ogos 1965 Tunku Abdul Rahman membawa usul pemisahan Singapura ke dalam Parlimen Malaysia</p> <p>H5a Parlimen meluluskan rang undang-undang pemisahan Singapura</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[8m]</p>



1 (c)	Ramalkan perkara yang mungkin berlaku sekiranya Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj tidak mengambil langkah untuk mengeluarkan Singapura daripada Malaysia	
F1	Rusuhan kaum berlaku	1
H1	Rakyat akan bermusuhan antara satu sama lain	1
H1a	Menyebabkan pelbagai kaum hilang keyakinan sesama mereka	1
C1	Kehidupan rakyat terancam	1
I	Akibatnya negara menjadi huru-hara	1
F2	Kerajaan sukar melaksanakan program pembangunan	1
H2	Ekonomi negara akan terbantut	1
C2	Terutamanya dalam bidang pertanian dan perindustrian	1
I	Menyebabkan negara kita menjadi mundur dan kehilangan pelabur asing mana-mana munasabah	1
		[8m]

Soalan	Jawapan	Markah
2 (a)	<p>Jelaskan usaha yang dilakukan bagi mengatasi isu terlalu bergantung pada eksport getah dan bijih timah</p> <p>F1 Mempelbagaikan kegiatan ekonomi</p> <p>H1a pertanian dan industri pemprosesan</p> <p>F2 Mencari pasaran baharu bagi getah dan bijih timah</p> <p>F3 Mempelbagaikan bidang pertanian</p> <p>H3a terutamanya kelapa sawit dan koko</p> <p>F4 Mempelbagaikan pengeluaran komoditi negara</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[4 m]</p>
2 (b)	<p>Bagaimanakah kerajaan melaksanakan usaha bagi meningkatkan taraf hidup yang berbeza serta masalah kesihatan dan sosial.</p> <p>F1 Melancarkan program pembangunan negara</p> <p>H1a berasaskan satu rancangan bersepadu</p> <p>F2 Menggerakkan aktiviti perkilangan dan pembuatan negara</p> <p>H2a dengan membuka kawasan baharu</p> <p>F3 Mempercepatkan integrasi dalam kalangan penduduk dan negeri</p> <p>F4 Mendapatkan bantuan Bank Dunia</p> <p>F5 Mengurangkan kadar kelahiran</p> <p>F6 Memperkenalkan program Perancang Keluarga</p> <p>F7 Menambah baik perkhidmatan kesihatan di kawasan luar bandar</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[8m]</p>
2 (c)	<p>Penularan pandemik Covid -19 telah membebankan rakyat yang berpendapatan rendah.. Berdasarkan pengetahuan anda cadangkan cara untuk menangani masalah pandemik dalam kehidupan harian rakyat.</p> <p>F1 Menyokong pakej rancangan ekonomi oleh kerajaan</p> <p>F2 Menceburi bidang perniagaan secara kecil -kecilan</p> <p>F3 Membuat perniagaan secara dalam talian e- dagang</p> <p>F4 Membantu kumpulan B40 dengan memberikan bantuan seperti makanan</p> <p>F5 Mengamalkan sikap berjimat cermat</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>

F6	Menanam sayur-sayuran di sekeliling rumah	1
F7	Mengelakkan pembajiran	1
F8	Meningkatkan kemahiran dalam bidang ICT mana-mana munasabah	1 [8m]

Soalan	Jawapan	Markah
3 (a)	Jelaskan tanggungjawab MAGERAN	
F1	Mengembalikan keamanan dan undang-undang	1
F2	Menentukan pentadbiran yang licin dalam negara	1
F3	Mengembalikan keharmonian dan kepercayaan antara kaum dalam negara	1
F4	Menggantung sementara penerbitan semua akhbar sehingga keadaan negara kembali tenang	1
F5	Menguatkuasakan Akta Hasutan 1948	1
F6	Jabatan penerangan menapis berita palsu dan menerangkan usaha kerajaa	1
		[4 m]
3 (b)	Huraikan punca berlakunya rusuhan kaum pada tahun 1969	
F1	Kesan daripada ketidakseimbangan dalam ekonomi dan sosial di negara kita	1
F2	Keadaan dan keputusan Pilihan Raya Umum Ketiga 1969	1
H2a	Merupakan sebab utama peristiwa ini.	1
H2b	Ketegangan bermula dengan kempen pilihan raya	1
H2c	Terdapat parti politik mengeksploitasi isu	1
H2d	yang menyentuh sensitiviti sesuatu kaum semasa berkempen	1
F3	PKM mengambil kesempatan semasa pilihan raya	1
H3	untuk mempengaruhi penduduk supaya bermusuhan antara kaum	1
F4	Parti yang bertanding telah berkempen	1
H4a	Menggunakan sentimen perkauman dan keagamaan	1
H4b	untuk mendapat sokongan daripada pengundi	1
F5	Perarakan kemenangan pilihan raya tidak terkawal	1
H5	Menimbulkan kekacauan dan perbuatan provokatif	1
		[8m]

3 (c)		<p>Mengapakah persefahaman antara kaum menjadi unsur penting di Malaysia.</p> <p>F1 Mewujudkan kestabilan politik</p> <p>H1a Agar kedaulatan dan keamanan negara kekal</p> <p>H1b Kemajuan negara akan berterusan dan berkembang pesat</p> <p>C1 Menyebabkan ekonomi negara semakin meningkat</p> <p>I Dalam bidang perindustrian</p> <p>F2 Mewujudkan keharmonian antara kaum</p> <p>H2a Dapat mengelakkan daripada perbalahan</p> <p>C2 Seperti yang berlaku pada 13 Mei 1969</p> <p>H2b Tidak berulang lagi</p> <p>I Keadaan ini membentuk masyarakat yang bertoleransi</p> <p>F3 Sentiasa bekerjasama sama ada susah dan senang</p> <p>H3a Mengelakkan rusuhan kaum</p> <p>H3b Rakyat selamat menjalankan kehidupan seharian</p> <p>F4 Sebarang pertikaian akan dapat diatasi secara rundingan dan tolok ansur kaum</p> <p>H4a Melahirkan masyarakat yang adil</p> <p>H4b Rakyat berbilang kaum diberi peluang menikmati kekayaan negara</p> <p>H4c Perasaan tidak puas hati rakyat berjaya diatasi mana-mana yang munasabah</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[8m]</p>
-------	--	---	--

SKEMA
BAB 7: MEMBINA KESEJAHTERAAN NEGARA
BAHAGIAN A (STRUKTUR)

Soalan		Cadangan	Markah
1 (a)	(i)	Nyatakan maksud Perpaduan Kaum	
	F1	Keadaan rakyat daripada pelbagai etnik, agama dan wilayah.	1
	F2	Hidup dengan aman dalam masyarakat yang bersatu.	1
	F3	Mereka memberikan komitmen yang penuh.	1
	F4	Kepada identiti kebangsaan.	1
	F5	Berlandaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.	1
			[2 m]
	(ii)	Nyatakan maksud Integrasi Nasional	
	F1	Merupakan satu proses dinamik.	1
	F2	Merapatkan hubungan masyarakat antara negeri dan wilayah.	1
	F3	Bagi membentuk satu bangsa.	1
	F4	Mereka ini mempunyai identiti sendiri.	1
	F5	Berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.	1
			[2 m]
(b)		Nyatakan dua kesan Dasar British terhadap hubungan kaum di negara kita	
	F1	Menyebabkan pemisahan kaum dari segi kegiatan ekonomi dan petempatan	1
	H1	Menyukarkan setiap kaum untuk memahami adat resam dan budaya kaum lain	1
	F2	Membawa kesan pentadbiran, sistem pendidikan serta fahaman politik	1
			[2 m]
(c)	(i)	Bukti kejayaan kerajaan	
	F1	Mengadakan sambutan perayaan berbilang kaum.	1
	F2	Memupuk perpaduan dan integrasi nasional sejak seawal prasekolah.	1
	F3	Merayakan hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia.	1



F4	Menganjurkan sukan seperti MSSM dan SUKMA.	1
F5	Mewujudkan Dasar Kebudayaan Negara.	1
F6	Mewujudkan Dasar Pendidikan Kebangsaan.	1
F7	Menubuhkan Rukun Negara.	1
F8	Menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan pengantar.	1
		[4 m]

Soalan	Cadangan	Markah
2 (a)	Nyatakan dua Dasar Pendidikan Kebangsaan	
F1	Laporan Rahman Talib.	1
F2	Kajian Aminuddin Baki.	1
F3	Laporan Jawatankuasa Kabinet.	1
F4	Falsafah Pendidikan Kebangsaan.	1
F5	Akta Pendidikan 1996.	1
		[2 m]
(b)	Sistem pendidikan zaman British gagal memupuk perpaduan	
F1	British memperkenalkan sistem vernakular.	1
F2	Berkembang tanpa mengambil kira pembentukan identiti kebangsaan.	1
F3	Setiap sekolah khusus untuk satu kaum sahaja.	1
F4	Pembinaan sekolah mengikut kaum.	1
F5	Tumpuan untuk mengekalkan taat setia rakyat pendatang kepada British.	1
F6	Sekolah dibina di kawasan tertentu mengikut kaum.	1
		[4 m]
(c)	Bukti Dasar Pendidikan Kebangsaan mampu atasi masalah perpaduan	
F1	Mewujudkan kurikulum yang sama.	1
H1	tujuan untuk mewujudkan keperibadian kebangsaan.	1
F2	Melaksanakan sistem peperiksaan yang seragam.	1
H2	dapat mewujudkan keperibadian yang sama.	1
F3	Pendemokrasian pendidikan.	1

H3	mengagihkan peruntukan secara adil tanpa mengira kaum.	1
F4	Memperkenalkan konsep Sekolah Wawasan.	1
H4	penekanan semangat perpaduan sejak sekolah rendah.	1
		[4 m]

Soalan	Cadangan	Markah
3 (a)	<p>Berikan contoh kejayaan pasukan negara dalam pertandingan sukan peringkat antarabangsa.</p> <p>F1 Pasukan bola sepak kebangsaan berjaya melayakkan diri ke Sukan Olimpik Moscow pada tahun 1980.</p> <p>F2 Penyertaan pasukan hoki kebangsaan dalam Hoki Piala Dunia 1975.</p> <p>F3 Pasukan badminton Malaysia menjuarai Piala Thomas pada tahun 1967/1992.</p> <p>F4 Kejohanan Olahraga Paralimpik Dunia.</p> <p>F5 Memenangi Piala Suzuki AFF pada tahun 2010.</p> <p>F6 Tahun 1989, 2009 dan 2011, pasukan bola sepak negara telah menggondol "ibu emas" kejohanan Sukan Sea.</p> <p>F7 Tahun 2014 di Glasgow, Malaysia cemerlang menerusi sukan badminton, terjun papan anjal dan angkat berat dalam Sukan Komanwel.</p> <p>Sukan Olimpik 2016 Rio Brazil apabila berjaya membawa pulang lima pingat iaitu 4 pingat perak (3 badminton, 1 terjun) dan 1 pingat gangsa menerusi sukan berbasikal / Sukan Olimpik 2020-2021 1 pingat perak menerusi sukan berbasikal dan 1 pingat gangsa menerusi badminton.</p> <p>(mana-mana jawapan yang berkaitan)</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[2 m]</p>

(b)		<p>Bagaimana pengurusan sukan yang cekap dan teratur mampu memberikan kejayaan dalam bidang sukan di negara kita?</p>	
	F1	Agensi / organisasi diberi tanggungjawab untuk meningkatkan kecemerlangan sukan.	1
	F2	Kementerian Belia dan Sukan./ Majlis Sukan Negara/ Majlis Olimpik Malaysia/ Persatuan Sukan.	1
	F3	Penglibatan daripada pelbagai kaum dengan kepakaran masing-masing.	1
	F4	Ketokohan pemimpin persatuan sukan/ jurulatih/ para atlet/ pegawai sukan.	1
	F5	Penglibatan kerabat diraja / ahli politik sebagai penaung/presiden persatuan sukan.	1
	F6	Bekas atlet menjadi pengurus/ jurulatih pasukan	1 [2 m]
(c)		<p>Kejayaan atlet-atlet negara kita telah menyemarakkan semangat perpaduan kaum melalui sukan. Berikan komen anda.</p>	
	F1	Percampuran rakan-rakan atlet yang pelbagai bangsa dan kaum di dalam satu pasukan.	1
	F2	Penglibatan pegawai pasukan / pegawai teknikal tanpa mengira kaum dan agama dengan kepakaran masing-masing.	1
	F3	Dasar menggalakkan setiap pelajar mengambil satu sukan mampu melibatkan lebih ramai anak muda terlibat dalam sukan.	1
	F4	Tiada lagi kaum dan jantina ditetapkan untuk mana-mana sukan.	1
	F5	Kegiatan sukan yang melibatkan pelbagai etnik dapat memupuk semangat kesukanan yang kuat.	1
	F6	Memupuk penerimaan ke atas kepelbagaian sukan yang wujud dari masyarakat pelbagai etnik.	1
	C6	Contoh sepak takraw / bola keranjang / kabadi.	1
	F7	Masyarakat yang berbilang kaum, bangsa dan agama yang berkongsi minat yang sama pada setiap perlawanan.	1
	F8	Memberikan sokongan kepada pasukan Malaysia tanpa mengira agama, bangsa, budaya dan darjat.	1

	F9	Penglibatan pelbagai kaum dalam persatuan-persatuan sukan mampu menjadi platform terbaik dalam memupuk perpaduan. mana-mana yang munasabah	1 [3 m]
(d)		Berdasarkan pengetahuan anda, cadangkan usaha yang boleh dilakukan untuk meningkatkan mutu sukan di negara kita.	
	F1	Memastikan infrastruktur sukan yang lengkap.	1
	F2	penyediaan infrastruktur sukan yang lengkap akan menyumbang kepada kemajuan sukan negara.	1
	F3	Kerajaan boleh bekerjasama dengan syarikat swasta bagi memastikan infrastruktur sukan dalam komuniti sentiasa ditambah baik dan di selenggara.	1
	F4	mendedahkan atlet-atlet negara di peringkat antarabangsa.	1
	F5	dimulakan sejak usia muda agar mereka tidak mengalami kejutan	1
	F6	budaya. belajar untuk bersaing di peringkat antarabangsa.	1
	F7	menubuhkan Sekolah Sukan Malaysia bagi mencungkil bakat.	1
	F8	menghasilkan atlet profesional bertaraf antarabangsa.	1
	F9	Membina institusi sukan negara khusus untuk sukan tertentu.	1
	F10	Menawarkan insentif yang lumayan kepada atlet.	1
	F11	Kemenangan dibayar mengikut jumlah pingat. mana-mana yang munasabah	1 [4 m]



SKEMA
BAB 7 : MEMBINA KESEJAHTERAAN NEGARA
BAHAGIAN B (ESEI)

Soalan	Jawapan	Markah
1 (a)	Langkah kerajaan untuk memartabatkan kedudukan bahasa Melayu	
F1	Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi.	1
H1	melalui pengubalan Akta Bahasa Kebangsaan.	1
F2	bahasa rasmi pentadbiran.	1
H2a	menjadi alat komunikasi rasmi dalam pelbagai urusan di kementerian dan jabatan kerajaan.	1
H2b	digunakan sepenuhnya dalam urusan mahkamah pada tahun 1990.	1
F3	memperkasakan bahasa Melayu dalam sistem pendidikan.	1
H3a	pembukaan sekolah menengah kebangsaan.	1
H3b	menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar.	1
H3c	Sekolah Alam Shah, Sekolah Seri Puteri dan Kolej Sultan Abdul Halim.	1
F4	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).	1
H4	Sebagai pusat keilmuan bahasa Melayu.	1
F5	Penubuhan Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (IBKKM).	1
H5	Menjadikan UKM sebagai pusat penyelidikan dan rujukan dalam bahasa, kesusasteraan dan kebudayaan tamadun Melayu.	1
F6	Peranan Dewan Bahasa dan Pustaka.	1
H6	Bertujuan memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa ilmu.	1
		[6 m]
1 (b)	Mengapakah rakyat Malaysia perlu bekerjasama memartabatkan BM	
F1	perlu bekerjasama memartabatkan bahasa Melayu	1
F2	Simbol warisan / tradisi negara.	1
F3	Lambang / identiti negara Malaysia.	1

	F4	Sebagai alat perpaduan.	1
	F5	Bahasa pengantar di sekolah.	1
	F6	Pernah menjadi bahasa <i>lingua franca</i> .	1
	F7	Bahasa kebangsaan negara.	1
	F8	Termaktub dalam Akta Bahasa Kebangsaan.	1
	F9	Bahasa Melayu dikenali di persada dunia.	1
	F10	Memperkasa penggunaan bahasa Melayu.	1
	F11	Meningkatkan semangat nasionalisme dan patriotisme.	1
			[6m]
1 (c)		Pada pendapat anda, mengapakah penguasaan bahasa kebangsaan masih kurang diyakini dalam kalangan segelintir masyarakat Malaysia ?	
	F1	Latar belakang pendidikan seseorang.	1
	F2	Bidang kerjaya yang diceburi.	1
	F3	Kedudukan / taraf keluarga / individu.	1
	F4	Faktor media massa / elektronik / cetak.	1
	F5	Kurang kerjasama sektor swasta / organisasi bukan kerajaan.	1
	F6	Terpengaruh budaya luar / filem / lagu.	1
	F7	Tanggapan BM kurang komersial / bukan bahasa antarabangsa.	1
	F8	Kurang penekanan pihak kerajaan.	1
	F9	Lebih menggemari bahasa rojak dalam Whatsapps.	1
	F10	Lebih suka bertutur dalam bahasa Inggeris yang dianggap bertaraf tinggi.	1
			[8m]

Soalan	Jawapan	Markah
2 (a)	<p>Huraikan prinsip-prinsip yang membentuk Dasar Kebudayaan Kebangsaan.</p>	
F1	Berteraskan Kebudayaan Rakyat Asal Rantau ini.	1
H1a	merangkumi kawasan Malaysia, Indonesia, Filipina, Singapura, Brunei, Thailand, sebahagian Indochina serta Kepulauan Selatan Pasifik (Polynesia, Melanesia dan Oceania).	1
H1b	Rantau ini merupakan pusat pemancaran, pengembangan dan warisan kebudayaan dan bahasa Melayu.	1
H1c	dibuktikan oleh kegemilangan serta keagungan tamadun Melayu seperti Srivijaya dan Majapahit.	1
H1d	Sejak abad ke-15, sewaktu zaman kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka, bahasa Melayu menjadi bahasa <i>lingua franca</i> .	1
H1e	bagi tujuan perdagangan, ilmu pengetahuan, pemerintahan, kesenian dan kebudayaan, diplomasi dan undang-undang.	1
H1f	Kebudayaan serantau juga digambarkan oleh persamaan dalam bidang bahasa yang berasaskan keluarga bahasa Melayu - Austronesia,	1
H1g	kedudukan geografi, pengalaman sejarah, kekayaan alam, kesenian dan nilai-nilai keperibadiannya.	1
H1h	Budaya Melayu ini merupakan cara hidup, lambang identiti dan asas ukuran keperibadian kepada lebih 200 juta manusia yang menuturkan satu rumpun bahasa yang sama.	1
F2	Unsur-Unsur Kebudayaan Lain yang Sesuai dan Wajar Diterima	1
H2a	Prinsip ini bertepatan dengan situasi penduduk berbilang kaum yang mewarisi pelbagai budaya.	1
H2b	Unsur budaya Cina, India, Arab dan Barat yang sesuai, wajar diberi pertimbangan dan penerimaan dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan.	1
H2c	Kesesuaian penerimaan dalam proses penyerapan ini bergantung pada aspek tiada percanggahan dengan perlembagaan negara.	1
H2d	Mematuhi prinsip-prinsip Rukun Negara.	1

	H2e	Keutamaan kepada kepentingan nasional.	1
	H2f	Mempunyai asas-asas moral dan kerohanian.	1
	H2g	Tidak bercanggah dengan agama Islam yang menjadi agama rasmi negara.	1
	F3	Islam Menjadi Unsur yang Penting dalam Pembentukan Kebudayaan Kebangsaan.	1
	H3a	Agama dan kepercayaan kepada tuhan merupakan unsur yang penting dalam proses pembangunan negara.	1
	H3b	serta pembentukan rakyat yang berakhlak dan berkeperibadian mulia.	1
	H3c	Kebudayaan meliputi keseluruhan kehidupan manusia.	1
	H3d	Agama perlu dijadikan asas bagi memenuhi kesempurnaan hidup tersebut.	1
	H3e	Islam dijadikan unsur yang penting berasaskan rasional kedudukannya sebagai agama rasmi negara yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia.	1
	H3f		[6 m]
2 (b)		Berdasarkan pengetahuan anda, jelaskan usaha kerajaan untuk mencapai matlamat Dasar Kebudayaan Kebangsaan.	
	F1	Membentuk agensi pelaksana yang berkaitan dengannya.	1
	H1a	Dasar ini dilaksanakan oleh Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan / Majlis Kebudayaan Negeri / Istana Budaya / Akademik Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA).	1
	F2	Program Citrawarna Malaysia.	1
	H2a	Melibatkan pelbagai kaum dan budaya.	1
	H2b	Program ini mula dianjurkan pada tahun 1999 yang merupakan promosi pelancongan.	1
	C2	Memperagakan kebudayaan, pakaian, tarian dan nyanyian rakyat Malaysia.	1
	H2c	Program ini diadakan pada bulan Mei setiap tahun.	1
	H2d	Diadakan di Dataran Merdeka.	1
	F3	Melahirkan tokoh dan penggiat budaya yang tersohor.	1

	H3a	Memberikan sumbangan yang besar terhadap proses membudayakan masyarakat dan kebudayaan bangsa.	1
	H3b	Sumbangan mereka juga penting dalam menggalakkan penghasilan karya seni tempatan.	1
	H3c	Memartabatkan khazanah negara.	1
	C3	Azah Aziz (Mak Ungku) / Hamzah Dolmat / Lim Swee Tin / Samuel Dass/ Shuhaibun Yussuf / Mathew Ngau Jau.	1
			[6m]
2 (c)		Berikan cadangan anda untuk kita mengekalkan kepelbagaian budaya berbilang kaum di negara kita?	
